



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA



BANGCI 2024
PERTANIAN
KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN

**Menelusuri Rantaian Pertanian
Malaysia dari Hulan ke Hiliran**
*Unveiling Malaysia's Agricultural Value Chain
from Upstream to Downstream*

Kesan Pengganda Terhadap Ekonomi
Multiplier Effects on the Economy

JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

MENELUSURI RANTAIAN PERTANIAN MALAYSIA DARI HULUAN KE HILIRAN

KESAN PENGGANDA TERHADAP EKONOMI

Pemakluman

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia julung kalinya berjaya menduduki tempat pertama di peringkat global di dalam laporan dwitahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW) dengan mengatasi 198 buah negara yang lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal

<https://open.dosm.gov.my>.



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>
Facebook / X / Instagram / YouTube : StatsMalaysia
E-mel : info@dosm.gov.my
(pertanyaan umum)
data@dosm.gov.my
(pertanyaan & permintaan data)

Harga : RM55.00

Diterbitkan pada Mei 2025

Hakcipta terpelihara

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

ISBN 978-967-253-907-0

KATA PENGANTAR

Penerbitan Menelusuri Rantaian Pertanian Malaysia dari Hulan ke Hiliran memaparkan perjalanan komoditi pertanian dari peringkat awal hingga pengguna akhir. Penerbitan ini merupakan inisiatif penting dalam memahami ekosistem pertanian negara secara menyeluruh, merangkumi aspek hulan dan hiliran. Ini dapat memberikan gambaran menyeluruh mengenai kecekapan, cabaran dan peluang dalam rantaian nilai Pertanian serta kepentingan sektor Pertanian dalam pertumbuhan ekonomi negara.

Penerbitan Menelusuri Rantaian Pertanian Malaysia dari Hulan ke Hiliran merangkumi 19 buku meliputi Sorotan Aktiviti Pertanian, Guna Tenaga dan Gaji & Upah, Import Pertanian, Margin Pasaran dan Kesan Pengganda Terhadap Ekonomi termasuk komoditi Kelapa sawit, Getah, Koko, Lada, Kayu, Kopi, Padi, Ayam & Telur, Lembu & Kambing, Perikanan, Sayur-sayuran, Buah-buahan, Kelapa dan Ubi kayu. Setiap penerbitan yang dimuatkan memberikan maklumat penting mengenai pengeluaran, pemprosesan, pemasaran serta daya saing sektor pertanian.

Penerbitan ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh pembuat dasar, penyelidik, pemain industri, dan masyarakat umum dalam merangka strategi pembangunan sektor pertanian yang lebih mampan dan berdaya saing. Pemahaman mendalam mengenai rantaian nilai pertanian dapat memperkuat ekosistem pertanian dan memastikan kemampanan berterusan sektor ini kepada ekonomi serta kesejahteraan rakyat Malaysia.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang telah menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam merealisasikan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan penerbitan ini pada masa akan datang amatlah dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Pesuruhjaya Banci Pertanian 2024

Mei 2025

KANDUNGAN

Muka surat

Kata Pengantar	i
Kandungan	ii
Senarai Jadual	iii
Senarai Singkatan	iv
Ringkasan Eksekutif	vi
Ilustrasi Analisis Pengganda	1
Pengenalan	5
Huluhan dan Hiliran Penggunaan Komoditi Pertanian	13
Pemacu Ekonomi yang Tersembunyi: Menilai Peranan Sektor Pertanian melalui Analisis Pengganda dan Analisis Rantaian	21
Kesimpulan	52
Jadual Statistik	54
Nota Teknikal	81
Penghargaan	88

SENARAI JADUAL

Muka surat

Jadual 1:	Ringkasan Jadual Pengeluaran Domestik pada Harga Asas, Aktiviti mengikut Komoditi (RM Juta), 2021	54
Jadual 2:	Ringkasan Jadual Pengeluaran Domestik pada Harga Asas, Aktiviti mengikut Komoditi (RM Juta), 2010	56
Jadual 3:	Ringkasan Jadual Pengeluaran Domestik pada Harga Asas, Aktiviti mengikut Komoditi (RM Juta), 2000	58
Jadual 4:	Ringkasan Jadual Pengeluaran Domestik pada Harga Asas, Aktiviti mengikut Komoditi (RM Juta), 1991	60
Jadual 5:	Ringkasan Jadual Penggunaan Domestik pada Harga Asas, Komoditi mengikut Aktiviti (RM Juta), 2021	62
Jadual 6:	Ringkasan Jadual Penggunaan Domestik pada Harga Asas, Komoditi mengikut Aktiviti (RM Juta), 2010	64
Jadual 7:	Ringkasan Jadual Penggunaan Domestik pada Harga Asas, Komoditi mengikut Aktiviti (RM Juta), 2000	66
Jadual 8:	Ringkasan Jadual Penggunaan Domestik pada Harga Asas, Komoditi mengikut Aktiviti (RM Juta), 1991	68
Jadual 9:	Ringkasan Jadual Pengeluaran Domestik pada Harga Asas, Aktiviti mengikut Aktiviti (RM Juta), 2021	70
Jadual 10:	Ringkasan Jadual Pengeluaran Domestik pada Harga Asas, Aktiviti mengikut Aktiviti (RM Juta), 2010	72
Jadual 11:	Ringkasan Jadual Pengeluaran Domestik pada Harga Asas, Aktiviti mengikut Aktiviti (RM Juta), 2000	74
Jadual 12:	Ringkasan Jadual Pengeluaran Domestik pada Harga Asas, Aktiviti mengikut Aktiviti (RM Juta), 1991	76
Jadual 13:	Pengganda Output dan Nilai Ditambah Subsektor Pertanian, 1991-2021	78
Jadual 14:	Penormalan Rantaian ke Hadapan dan ke Belakang Subsektor Pertanian, 1991-2021	78

SENARAI SINGKATAN

Singkatan	Maksud
ASEAN	Association of Southeast Asian Nations
CAGR	Compound Annual Growth Rate
DAN	Dasar Agromakanan Negara
DEB	Dasar Ekonomi Baru
FAO	Food and Agriculture Organization of the United Nations
FELDA	Federal Land Development Authority
KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar
KPK	Kementerian Perladangan dan Komoditi
KPKM	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
R&D	Research and Development

RINGKASAN EKSEKUTIF

Penerbitan Menelusuri Rantaian Pertanian Malaysia dari Hulu ke Hilir Kesan Pengganda Terhadap Ekonomi bertujuan untuk menunjukkan kesalingbergantungan antara sektor Pertanian dengan industri-industri lain dalam ekonomi Malaysia. Analisis ini meneliti kesan pengganda ekonomi yang terhasil daripada perubahan dalam sektor Pertanian, terutamanya dari segi dorongan permintaan, peningkatan produktiviti atau perubahan harga yang seterusnya memberi kesan kepada sektor hilir melalui rantai nilai dan keterkaitan antara industri.

Analisis ini meliputi selang masa iaitu tahun 1991, 2000, 2010 dan 2021 bagi menilai perubahan struktur dan sumbangan sektor Pertanian dalam tempoh tiga (3) dekad. Tumpuan diberikan kepada peranan sektor Pertanian sebagai penyumbang utama dalam rantai bekalan negara, termasuk sebagai pembekal input kepada industri pemprosesan makanan dan sektor lain yang berkaitan.

Kesan pengganda dianalisis dengan menilai perubahan dalam nilai tambah, output dan permintaan terhadap input antara industri. Analisis ini memberi pemahaman yang lebih mendalam terhadap keterkaitan ekonomi antara sektor dalam menjana kesan limpahan kepada ekonomi negara.

EXECUTIVE SUMMARY

The publication titled Unveiling Malaysia's Agricultural Value Chain from Upstream to Downstream Multiplier Effects on the Economy aims to highlight the interdependencies between the Agriculture sector and other industries within the Malaysian economy. It examines the economic multiplier impacts resulting from changes in the Agriculture sector, particularly in terms of demand influences, productivity improvements or shifts in price changes, which subsequently affect downstream sectors through the value chain and inter-industry linkages.

The analysis spans the years of 1991, 2000, 2010, and 2021 to assess structural changes and the evolving contribution of the Agriculture sector over the past three (3) decades. It highlights the Agriculture sector's critical role as a key contributor within the national supply chain, including as a supplier of inputs to the food processing industry and other related sectors.

The multiplier effects are assessed by evaluating changes in value added, output and the demand for inputs across industries. This analysis provides deeper insights into the economic interdependencies between sectors in generating spillover effects throughout the national economy.

ILUSTRASI ANALISIS PENGGANDA

- Analisis pengganda adalah merujuk kepada peningkatan dalam hasil pengeluaran keseluruhan apabila terdapat peningkatan dalam permintaan akhir. Permintaan akhir merangkumi permintaan domestik (industri, kerajaan dan isi rumah) dan eksport.
- Ilustrasi ini memaparkan dua jenis analisis pengganda, iaitu:
 - Pengganda output
 - Pengganda nilai ditambah.
- Rajah berikut menunjukkan bagaimana peningkatan dalam permintaan akhir bagi

01

PENINGKATAN DALAM PERMINTAAN AKHIR

Peningkatan permintaan akhir terhadap sesuatu komoditi contohnya komoditi kelapa sawita akan menghasilkan kesan pertambahan Pengeluaran bagi komoditi tersebut.



02

KESAN SECARA LANGSUNG

Peningkatan dalam pengeluaran komoditi kelapa sawit akan meningkatkan output dan juga nilai ditambah bagi komoditi tersebut.



Permintaan akhir
+RM1.00 bilion

Output **+RM1.00 bilion**
Nilai Ditambah **+RM0.79 bilion**

03

KESAN SECARA TIDAK LANGSUNG

Apabila pembekal meningkatkan pengeluaran, input yang diperlukan untuk penghasilan komoditi tersebut juga bertambah (contoh: baja dan racun).

Ripple effect ini akan berterusan di dalam ekonomi sehingga keseluruhan permintaan dapat dipenuhi.

Rantaian Pertama



Output **+RM0.10 bilion**
Nilai Ditambah **+RM0.05 bilion**

Rantaian Kedua



Output **+RM0.07 bilion**
Nilai Ditambah **+RM0.03 bilion**

Rantaian Seterusnya



KESIMPULAN

Peningkatan dalam permintaan akhir komoditi **kelapa sawit** sebanyak **RM1.00 bilion** akan meningkatkan keseluruhan output **RM1.17 bilion** dan nilai ditambah **RM0.87 bilion** dalam ekonomi.



Keseluruhan Ekonomi:



Output **+RM1.17 bilion**
Nilai Ditambah **+RM0.87 bilion**

Sumber: Jadual Input-Output Malaysia 2021, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong


PENGENALAN

Landskap Pertanian Global

Pertanian memainkan peranan penting dalam ekonomi dan masyarakat melalui sumbangannya sebagai sumber makanan, bahan mentah, perolehan eksport dan peluang pekerjaan. Di peringkat global, sektor Pertanian berperanan sebagai tulang belakang rantai bekalan dunia, dengan komoditinya menjadi penyumbang utama kepada perdagangan dan kestabilan ekonomi. Selain menyokong pertumbuhan ekonomi, pertanian juga berperanan dalam memastikan keterjaminan makanan serta menyumbang secara signifikan kepada kelestarian alam sekitar melalui amalan pertanian mampan. Namun, di sebalik kepentingannya, sektor ini berhadapan dengan cabaran besar antara memenuhi permintaan populasi yang semakin meningkat dengan keutamaan pembangunan sektor lain bagi mencapai kemajuan yang mampan.

Sektor Pertanian global menyumbang sekitar 4.0 peratus terhadap Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dunia (**Carta 1**). Sumbangan sektor Pertanian terhadap KDNK di kalangan negara ASEAN terpilih memberi gambaran tentang kepentingan sektor ini di rantau tersebut.

Carta 1: Sumbangan Nilai Ditambah kepada KDNK bagi Sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan, 1986 - 2023




Sumber: *World Bank*

Viet Nam mencatatkan sumbangan tertinggi dalam sektor Pertanian pada akhir 80-an, melebihi 40.0 peratus dan mula perlahan secara berterusan sehingga 2023. Walaupun dilihat menurun, kadar sumbangan sektor Pertanian di Viet Nam masih lebih tinggi berbanding negara ASEAN terpilih lain. Sebaliknya, negara seperti Malaysia dan Thailand menunjukkan trend yang lebih stabil dengan sumbangan sektor Pertanian yang lebih rendah. Perbandingan tersebut mencerminkan kepelbagaian struktur ekonomi di kalangan negara ASEAN berbanding dunia yang turut memberi indikator situasi yang mencabar sektor ini pada masa hadapan.

Dalam aspek cabaran, *Food and Agriculture Organization (FAO)* telah menekankan beberapa cabaran kritikal yang dihadapi oleh sektor Pertanian global. Antara ancaman kepada daya tahan sektor ini adalah perubahan iklim (terutamanya kejadian cuaca ekstrem dan kemarau berpanjangan), kekurangan sumber asli (akibat daripada penyusutan tanah subur dan pencemaran), kebergantungan kepada pertanian tradisional (kos teknologi moden yang tinggi) serta cabaran kepada alam sekitar (penebangan hutan yang mengganggu ekosistem alam).


Carta 2: Trend Harga Global Minyak Sawit dan Getah, 1990 - 2024



Sumber: *International Monetary Fund*

Dari segi sosial dan ekonomi pula, ketidakstabilan harga hasil pertanian dan peningkatan kos input merupakan cabaran kepada petani. Hasil yang menyusut dan peningkatan kos ini menyebabkan mereka terhimpit dengan pendapatan yang berkurangan dan menyukarkan mereka untuk mengekalkan daya saing. **Carta 2** memaparkan trend harga global minyak sawit dan getah dari tahun 1990 hingga 2024, manakala **Carta 3** menunjukkan indeks bulanan harga bagi baja dan tenaga. Kedua-dua carta ini memaparkan gambaran umum pendapatan yang diperoleh oleh pengusaha pertanian dunia (melalui harga komoditi) dan kos ditanggung (melalui harga input) antara yang digunakan dalam sektor Pertanian.

Carta 3: Indeks Bulanan Baja dan Tenaga, 1990 - 2024



Sumber: *World Bank Commodity Price Data* (berdasarkan nominal dolar AS (2010=100))

Cabaran ini dihadapi oleh pengusaha pertanian di seluruh dunia, terutamanya bagi negara yang bergantung kepada sektor Pertanian sebagai tunjang ekonomi. Menangani cabaran ini memerlukan kerjasama global serta pelaksanaan dasar atau inisiatif bersepadu di peringkat nasional bagi memastikan kelangsungan dan daya saing sektor Pertanian. Di Malaysia, sektor Pertanian berada di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan kerjasama dengan Kementerian Perlindungan dan Komoditi (KPK), dalam merangka dasar dan strategi bagi menjadikan sektor ini menjadi lebih moden, dinamik dan kompetitif dalam menghadapi cabaran masa hadapan.


Struktur Ekonomi Malaysia

Malaysia telah mengalami evolusi ekonomi yang ketara sepanjang lima dekad yang lalu. Sejak era penjajahan, pertanian telah menjadi sektor utama ekonomi dengan tanaman komoditi seperti getah, kelapa sawit dan padi merupakan antara tanaman komoditi utama. Pada tahun 70-an, sektor ini menyumbang lebih daripada 25.0 peratus kepada KDNK (pada harga malar) dan menyediakan peluang pekerjaan kepada sebahagian besar tenaga buruh negara dan menjadi sumber pendapatan kepada penduduk luar bandar.

Pada tahun 90-an, sumbangan sektor Pertanian mula menyederhana seiring dengan peralihan ekonomi Malaysia ke arah perindustrian yang pesat (**Carta 4**). Dalam tempoh ini, sektor Pembuatan dan Perkhidmatan semakin berkembang laju dan sumbangannya terhadap KDNK turut dilihat meningkat secara ketara.

Carta 4: Sumbangan Sektor Ekonomi dalam KDNK (harga malar)*, 1970 - 2023

Peratus (%)



Sumber: Keluaran Dalam Negeri Kasar, DOSM


Nota: *KDNK pada harga malar memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai evolusi ekonomi dengan menekankan perubahan berdasarkan permintaan sebenar, tanpa dipengaruhi oleh faktor harga.

Melalui fasa transisi ekonomi tersebut, sumbangan sektor Pertanian kepada KDNK telah menyusut kepada kurang daripada 10.0 peratus dalam dekad terakhir. Walaupun sumbangannya semakin mengecil, sektor ini kekal relevan berikutan pengeluarannya yang menjadi nadi kepada pembekalan bahan mentah domestik (rantai bekalan industri pemprosesan makanan), bekalan makanan tempatan (keterjaminan makanan) serta menyumbang kepada pendapatan negara melalui eksport komoditi Pertanian dan makanan, sekali gus menyumbang kepada kesejahteraan ekonomi Malaysia.

Pertanian Malaysia: Jejak Masa, Realiti Kini & Perancangan Negara Masa Depan

Mengikut laporan KDNK yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Pertanian Malaysia diperincikan kepada enam subsektor iaitu Getah, Kelapa sawit, Pertanian lain, Ternakan, Perhutanan & pembalakan serta Perikanan. Menerusi **Carta 5**, sumbangan subsektor Pertanian telah mengalami perubahan ketara dari tahun 2005 hingga 2023. Subsektor Kelapa sawit kekal sebagai penyumbang terbesar dalam sektor Pertanian dengan sumbangan melebihi 35.0 peratus.

Carta 5: Sumbangan Aktiviti Pertanian kepada KDNK Malaysia (harga malar), 2005 - 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada masa yang sama, sumbangan Pertanian lain direkodkan semakin berkembang dari 14.5 peratus pada 2005 kepada hampir 30.0 peratus pada 2023. Ini adalah selari dengan usaha untuk mempelbagaikan subsektor Pertanian bagi mengurangkan kebergantungan kepada komoditi tertentu yang terdedah kepada perubahan harga di pasaran global. Selain itu, subsektor Perhutanan dan pembalakan mengalami trend menurun yang konsisten dengan 17.7 peratus (2005) kepada kurang daripada 5.0 peratus (2023), manakala, sumbangan subsektor Perikanan kekal stabil sepanjang tempoh tersebut. Subsektor Ternakan pula menunjukkan peningkatan dan merupakan petunjuk positif di mana subsektor ini merupakan antara penyumbang bekalan makanan domestik negara.

Transisi ini boleh dikaitkan dengan pelaksanaan 20 tahun bagi Dasar Ekonomi Baru (DEB) 1971 yang bertujuan membasmi kemiskinan di kalangan orang Melayu yang merujuk kepada pengusahaan aktiviti pertanian secara tradisional. Dasar ini telah menggalakkan pemodenan luar bandar melalui daya pengeluaran yang lebih tinggi.

Statistik pada tahun 2023 menunjukkan Kelapa sawit sebagai penyumbang terbesar dalam Pertanian sebanyak 35.9 peratus, diikuti oleh Pertanian lain (29.6%), Ternakan (16.6%), Perikanan (11.5%), Perhutanan dan pembalakan (4.8%) dan Getah (1.7%). Kepentingan setiap subsektor dalam sektor Pertanian ini diakui melangkaui sempadan sektor, khususnya dalam sektor Pembuatan dan Perkhidmatan. Sebagai contoh, komoditi Pertanian berperanan sebagai bahan mentah utama dalam industri makanan dan bioteknologi. Hubungan ini membentuk rantai nilai hiliran bagi sektor Pertanian.

Dari segi faedah kepada negara terutamanya dalam memenuhi keperluan pemegang taruh dan juga para penyelidik, memahami potensi setiap subsektor dalam sektor Pertanian adalah penting bagi merangka strategi pembangunan atau pelaburan yang berkesan pada masa hadapan dan menilai keberkesanan strategi yang ditetapkan.

Antara analisis yang berpotensi digunakan dalam membuat penilaian sumbangan sektor Pertanian ini adalah melalui analisis pengganda dan analisis rantai menggunakan Jadual Input-Output yang diterbitkan oleh DOSM.

Melalui analisis pengganda, impak ekonomi daripada setiap subsektor dapat diukur melalui kesan langsung dan tidak langsung terhadap ekonomi negara. Analisis ini membolehkan pihak berkepentingan mengenal pasti subsektor yang mempunyai daya saing yang tinggi serta berupaya untuk merangsang pertumbuhan sektor lain.

Manakala, analisis rantai pula memberi gambaran hubungkait antara sektor Pertanian dengan sektor lain, sekali gus memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai kebergantungan ekonomi dan potensi kerjasama merentasi sektor. Dengan memahami hubungan dalam nilai rantai ini, ia dapat mengenal pasti industri yang berpotensi bagi memperkukuhkan hubungkait sektor Pertanian dengan industri lain seperti pemprosesan makanan, farmaseutikal dan lain-lain lagi.

Sehubungan itu, laporan ini membentangkan analisis sektor Pertanian dalam konteks Jadual Input-Output bagi tempoh tiga dekad bermula pada tahun 1991 sehingga 2021. Ia merangkumi analisis mengikut enam subsektor utama Pertanian iaitu Getah, Kelapa sawit, Pertanian lain, Ternakan, Perikanan dan Perhutanan dan pembalakan di peringkat komoditi dan juga industri.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

HULUAN DAN HILIRAN PENGGUNAAN KOMODITI PERTANIAN

Konsep hulan dan hiliran dalam penggunaan komoditi Pertanian merujuk kepada keseluruhan nilai rantaian yang merangkumi aktiviti pengeluaran, pemprosesan, pengedaran dan penggunaan akhir. Aktiviti hulan melibatkan aspek seperti penanaman, penjagaan ladang serta pengeluaran bahan mentah, manakala aktiviti hiliran merangkumi pembuatan, pemborongan dan penjualan dan penggunaan akhir produk pertanian oleh industri serta pengguna.

Bahagian ini akan menerangkan penggunaan komoditi Pertanian dalam industri lain bagi tahun 1991, 2000, 2010 dan 2021. Selang masa ini dipilih bagi meneliti perubahan trend penggunaan komoditi Pertanian merentas dekad. Komoditi ini antara pembekal bahan mentah utama kepada industri hiliran. Kebergantungan kepada komoditi Pertanian dapat dianalisis melalui hubungan penggunaan input perantaraan yang menjadi penghubung sektor ini dengan sektor lain. Analisis input penggunaan perantaraan digambarkan melalui diagram Sankey yang memberikan gambaran menyeluruh mengenai pergerakan komoditi Pertanian merentasi sektor ekonomi, sekali gus mengenal pasti hubungan antara industri hulan dan hiliran serta menilai tahap kebergantungan sektor tertentu terhadap komoditi Pertanian dalam rantaian bekalan.

Merujuk kepada diagram Sankey, paksi komoditi merujuk kepada output Pertanian yang digunakan sebagai input, manakala paksi sektor mewakili input penggunaan perantaraan oleh industri. Selanjutnya, lengkung aliran di bahagian tengah antara dua paksi ini menunjukkan penggunaan komoditi oleh sektor berkaitan.


Penggunaan Komoditi Pertanian 1991

Pada awal tahun 90-an, penggunaan komoditi Pertanian di Malaysia lazimnya dipengaruhi oleh struktur ekonomi negara yang berorientasikan Pertanian dan Perindustrian berasaskan sumber. Antara komoditi utama yang banyak digunakan adalah kelapa sawit, getah, padi dan koko.

Sebagai contoh, getah digunakan terutamanya dalam industri pembuatan sarung tangan getah, tayar, barangan industri berasaskan getah serta produk kesihatan dan perubatan. Manakala kelapa sawit digunakan secara meluas dalam industri makanan (minyak masak, marjerin), oleokimia (sabun, kosmetik, biodiesel) dan pembuatan produk hiliran seperti minyak pelincir serta farmaseutikal. Selain itu, beras (di bawah klasifikasi Pertanian lain) yang merupakan makanan ruji rakyat Malaysia digunakan dalam aktiviti makanan dan minuman serta turut dimanfaatkan dalam industri Ternakan sebagai bahan makanan haiwan.

Carta 6 di bawah memaparkan diagram sankey pengeluaran bagi enam subsektor Pertanian yang terdiri daripada Getah, Kelapa sawit, Pertanian lain, Ternakan, Perhutanan dan pembalakan dan Perikanan bagi tahun 1991. Merujuk kepada paksi sektor, Pembuatan mencatatkan input penggunaan perantara tertinggi daripada komoditi Pertanian (83.9% atau RM10.0 bilion) terutamanya Perhutanan dan pembalakan, Getah dan Kelapa sawit. Komoditi ini menunjukkan sumbangan dua digit dengan masing-masing 26.8 peratus, 19.8 peratus dan 17.2 peratus. Ini menunjukkan kebergantungan tinggi sektor Pembuatan terhadap komoditi Pertanian negara pada tahun 1991.

Carta 6: Kebergantungan Subsektor Pengeluaran Pertanian, 1991



Sumber: Jadual Input-Output, DOSM


Sementara itu, sektor Perkhidmatan turut menggunakan komoditi Pertanian sebagai input perantara sebanyak 8.5 peratus (RM1.0 bilion). Sumbangan utama terdiri daripada komoditi Perikanan (3.6%), Pertanian lain (3.5%) dan Ternakan (1.3%). Komoditi ini memainkan peranan penting dalam menyokong aktiviti berkaitan makanan dan minuman, perdagangan runcit serta pemasaran produk pertanian.

Secara keseluruhan, kedua-dua sektor Pembuatan dan Perkhidmatan mencatatkan sumbangan 92.4 peratus terhadap penggunaan input komoditi Pertanian, sekali gus menunjukkan peranan penting sektor ini dalam rantai bekalan makanan negara.

Penggunaan Komoditi Pertanian 2000

Dalam tempoh satu dekad selepas 1991, sektor Pertanian Malaysia terus memainkan peranan utama sebagai pembekal bahan mentah kepada sektor Pembuatan dan Perkhidmatan (**Carta 7**). Pada tahun 2000, sektor Pembuatan mencatatkan penggunaan komoditi Pertanian tertinggi, menyumbang 76.6 peratus atau RM17.1 bilion. Sebahagian besar daripada jumlah ini disumbangkan oleh komoditi Perhutanan dan pembalakan, yang meningkat kepada 31.7 peratus atau RM7.1 bilion berbanding 26.8 peratus atau RM3.2 bilion pada tahun 1991.

Carta 7: Kebergantungan Subsektor Pengeluaran Pertanian, 2000



Sumber: Jadual Input-Output, DOSM

Selain itu, Kelapa sawit kekal sebagai komoditi kedua tertinggi dengan sumbangan 16.5 peratus berbanding 17.2 peratus pada tahun 1991. Namun, dari segi nilai, sumbangan Kelapa sawit meningkat kepada RM3.7 bilion bagi tahun 2000 berbanding RM2.0 bilion pada tahun 1991. Peningkatan nilai ini disumbangkan oleh subsektor Minyak dan lemak sayuran serta haiwan, hasil daripada permintaan yang semakin meningkat terhadap produk minyak sawit dalam pasaran global.


Sementara itu, sektor Perkhidmatan mencatatkan penggunaan input perantara komoditi Pertanian sebanyak 10.4 peratus atau RM2.3 bilion pada tahun 2000, meningkat berbanding 8.5 peratus atau RM1.0 bilion pada tahun 1991. Penggunaan dalam sektor ini

tertumpu kepada komoditi Perikanan (4.8%), Pertanian lain (3.1%) dan Ternakan (2.5%). Dalam perspektif sektor Perkhidmatan, subsektor Hotel dan restoran telah menggunakan komoditi Perikanan dan Ternakan sebagai input utama, didorong oleh pertumbuhan dalam industri pelancongan negara.

Penggunaan Komoditi Pertanian 2010

Merujuk kepada **Carta 8**, lengkung aliran bagi komoditi Kelapa sawit menunjukkan penguasaan dalam ekonomi pada tahun 2010, dengan bahagian terbesar yang dipaparkan. Penggunaan sektor Pembuatan terhadap komoditi Pertanian meningkat secara signifikan kepada RM74.1 bilion (84.4%), berbanding RM17.1 bilion (76.6%) pada tahun 2000. Selain sumbangan dan nilai yang meningkat, komoditi Kelapa sawit turut menunjukkan kepentingannya apabila mengambil alih kedudukan sebagai input utama dalam sektor Pembuatan, dengan nilai sebanyak RM56.4 bilion (64.2%). Ini menggantikan kedudukan komoditi Perhutanan dan pembalakan, yang sebelum ini mendominasi penggunaan dalam sektor tersebut pada tahun 2000 dan 1991. Komoditi Perhutanan dan pembalakan menyumbang 12.4 peratus (RM10.9 bilion) berbanding 31.7 peratus pada dekad sebelumnya (2000: RM7.1 bilion). Walaupun sumbangan komoditi ini semakin berkurang, ia masih relevan dalam sektor Pembuatan.

Carta 8: Kebergantungan Subsektor Pengeluaran Pertanian, 2010



Sumber: Jadual Input-Output, DOSM

Melihat kepada sektor Perkhidmatan, kebergantungan sektor ini terhadap output Pertanian pada 2010 adalah 6.3 peratus (RM5.5 bilion) berbanding 10.4 peratus pada tahun 2000 (RM2.3 bilion). Ia disumbangkan oleh komoditi Perikanan, Kelapa sawit dan Pertanian lain yang masing-masing menyumbang 2.8 peratus, 2.2 peratus dan 0.7 peratus.


Perubahan struktur penggunaan pada tahun 2010 menunjukkan bagaimana ekonomi Malaysia bertindak balas ke atas evolusi permintaan yang turut melibatkan inovasi dan barang pengganti bagi sumber bahan mentah yang terhad terutama Perhutanan dan pembalakan.

Penggunaan Komoditi Pertanian 2021

Dekad 2020-an merupakan tempoh yang mencabar kerana berlakunya pandemik COVID-19 mulai penghujung tahun 2019 sehingga 2021. Sepanjang tempoh pandemik, pasaran ekonomi berhadapan peningkatan dalam permintaan barangan tertentu, khususnya terhadap barangan berasaskan kesihatan.

Bagi tahun 2021, sektor Pembuatan kekal sebagai pengguna terbesar input perantara dari komoditi Pertanian iaitu sebanyak 88.7 peratus (RM93.5 bilion) pada tahun 2021, meningkat daripada 84.4 peratus (RM74.1 bilion) pada tahun 2010 (**Carta 9**). Komoditi Kelapa sawit kekal dominan dalam menyalurkan input perantara kepada sektor Pembuatan dengan nilai RM75.5 bilion (sumbangan: 71.6%) berbanding RM56.4 bilion (2010: 64.2%).

Carta 9: Kebergantungan Subsektor Pengeluaran Pertanian, 2021



Sumber: Jadual Input-Output, DOSM

Di peringkat global, minyak sawit yang ditapis digunakan dalam pelbagai industri, termasuk makanan, produk penjagaan diri dan kosmetik, biodiesel, makanan haiwan serta oleokimia. Selain itu, minyak sawit turut berperanan sebagai alternatif utama kepada minyak sayuran lain.

Di samping itu, komoditi Pertanian lain turut mencatatkan peningkatan (sebagai penyumbang kedua tertinggi), menyumbang sebanyak 7.1 peratus atau RM7.5 bilion pada tahun 2021, berbanding 3.8 peratus pada tahun 2010 dengan nilai RM3.3 bilion. Sementara itu, komoditi Ternakan turut mencatatkan peningkatan yang ketara pada tahun 2021, dengan sumbangan 5.5 peratus (RM5.8 bilion) berbanding 0.8 peratus pada tahun 2010 (RM0.7 bilion). Peningkatan penggunaan komoditi Pertanian lain dan Ternakan ini seiring dengan pertumbuhan permintaan dalam industri pemprosesan makanan yang turut mengalami evolusi permintaan hasil daripada kehendak masyarakat yang mementingkan penjimatan masa, kemudahan penyediaan dan mempelbagaikan pilihan makanan mereka.

Selain sektor Pembuatan, sektor Perkhidmatan juga menunjukkan peningkatan dalam penggunaan input perantara Pertanian sebanyak 8.4 peratus (RM8.9 bilion) berbanding 6.3 peratus (2010: RM5.5 bilion). Komoditi yang terlibat dalam pengeluaran sektor ini termasuk Pertanian lain (3.5%), Kelapa sawit (2.0%) dan Ternakan (1.5%).

Secara keseluruhan, trend ekonomi sepanjang tiga dekad menunjukkan peralihan kebergantungan yang semakin meningkat terhadap komoditi minyak sawit dan komoditi yang menjadi bahan utama dalam industri pemprosesan makanan, manakala penggunaan komoditi Getah serta Perhutanan dan pembalakan semakin berkurangan. Bagi memastikan pertumbuhan mampan sektor Pertanian negara, pemerkasaan rantaian nilai dalam komoditi Pertanian, inovasi dalam pemprosesan serta kepelbagaian produk perlu diperkukuh mengikut kehendak dan trend pengguna semasa bagi mengekal daya saing komoditi sektor ini dan menjamin kestabilan ekonomi Malaysia.



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

PEMACU EKONOMI YANG TERSEMBUNYI: MENILAI PERANAN SEKTOR PERTANIAN MELALUI ANALISIS PENGGANDA DAN ANALISIS RANTAIAN

Kepentingan sektor Pertanian di Malaysia kian mendapat perhatian kerajaan, selari dengan peranannya sebagai pembekal utama bahan mentah negara. Selain menjadi penyumbang secara langsung kepada pertumbuhan ekonomi, sektor ini juga berperanan mencetus kesan limpahan merentasi pelbagai sektor lain. Bagi menilai kepentingan tersebut secara lebih komprehensif, pendekatan analisis yang tepat diperlukan untuk mengkaji hubungan sektor Pertanian dengan sektor ekonomi lain serta impak yang terhasil terhadap keseluruhan ekosistem ekonomi.

Bahagian ini akan memperincikan aspek output, penggunaan input dan nilai ditambah bagi memberikan pemahaman mengenai subsektor Pertanian yang berkaitan. Seterusnya, kesan pengganda akan dianalisis melalui pengukuran pengganda output dan nilai ditambah, manakala hubungan ekonomi antara sektor akan diteliti menggunakan pendekatan rantai bagi mengenal pasti kedudukan sektor Pertanian dalam ekonomi Malaysia merentas dekad yang dikaji.


Secara umum, analisis pengganda digunakan untuk mengukur impak ekonomi yang terhasil apabila berlaku perubahan dalam permintaan terhadap subsektor dalam Pertanian. Dari sudut pengganda output, analisis ini mengukur jumlah keseluruhan output yang dihasilkan dalam ekonomi bagi setiap unit peningkatan dalam permintaan subsektor Pertanian. Manakala, pengganda nilai ditambah pula mengukur jumlah janaan nilai ditambah subsektor Pertanian berkaitan, berikutan peningkatan dalam permintaan akhirnya. Sebagai contoh, jika subsektor A mengalami peningkatan RM1 dalam permintaannya (sama ada disebabkan oleh permintaan isi rumah, perbelanjaan kerajaan atau aktiviti eksport), ia akan mencetus peningkatan output dan nilai ditambah subsektor tersebut. Peningkatan ini diukur melalui nilai pengganda output dan pengganda nilai ditambah yang diperoleh berdasarkan analisis yang dijalankan terhadap enam subsektor Pertanian.

Analisis rantai pula mengkaji bagaimana enam subsektor Pertanian berhubung dengan sektor lain dalam rantai bekalan. Hubungan ini dinilai melalui rantai ke belakang yang menunjukkan sejauh mana subsektor dalam Pertanian bergantung kepada input daripada sektor lain (contohnya seperti baja, mesin dan pengangkutan) dan rantai ke hadapan yang menggambarkan bagaimana hasil pertanian digunakan oleh sektor lain untuk menghasilkan produk baharu seperti produk pemprosesan makanan dan pembuatan

tekstil. Penormalan rantaian ke belakang dikenali sebagai indeks kuasa serakan manakala penormalan rantaian ke hadapan adalah indeks sensitiviti serakan. Indeks kuasa serakan dan indeks sensitiviti serakan digunakan untuk mengenal pasti kategori sektor dalam ekonomi yang terdiri daripada sektor strategik, sektor utama, sektor sendiri dan sektor pemacu.

Dari perspektif keseluruhan, **Carta 10** menunjukkan perkembangan sektor Pertanian dari segi output, penggunaan input dan nilai ditambah bagi tempoh tiga dekad. Dalam tempoh tersebut, jumlah output sektor Pertanian telah meningkat daripada RM26.2 bilion pada tahun 1991 kepada RM200.8 bilion pada tahun 2021. Begitu juga, penggunaan input turut meningkat daripada RM5.3 bilion (1991) kepada RM33.9 bilion (2021). Seiring dengan itu, nilai ditambah sektor Pertanian mencatatkan pertumbuhan purata 7.0 peratus setiap tahun, di mana nilai ditambah pada tahun 1991 dan 2021, masing-masing merekodkan RM19.7 bilion dan RM148.5 bilion. Ini bermaksud, sumbangan sektor Pertanian bukan sahaja perlu dinilai melalui peningkatan pengeluaran tetapi juga melalui penjanaan nilai tambah yang berterusan. Dalam konteks ini, penilaian terhadap penggunaan input adalah penting bagi mengukur kecekapan kos yang lazimnya menjadi salah satu penanda aras daya saing dalam jangka masa panjang.

Carta 10: Nilai Output, Input dan Nilai Ditambah Sektor Pertanian, 1991 - 2021




Sumber: Jadual Input-Output, DOSM

Selain itu, analisis yang lebih terperinci di peringkat subsektor juga perlu diberi perhatian bagi mengenal pasti subsektor yang berpotensi tinggi, berdaya tahan serta mampu memberikan kesan limpahan yang signifikan kepada ekonomi Malaysia.

Subsektor Getah

Pada tahun 2021, subsektor Getah mencatatkan nilai output sebanyak RM4.1 bilion, menyumbang 2.0 peratus daripada keseluruhan output sektor Pertanian. Berbanding tahun 1991, output subsektor ini telah meningkat sebanyak RM1.1 bilion dengan peningkatan tahunan sebanyak 1.0 peratus sepanjang 30 tahun. Walaupun nilai output telah meningkat bagi tempoh ini, sumbangan output Getah kepada output sektor Pertanian dilihat menurun secara signifikan (1991: 11.4%). Menariknya, nilai output tertinggi dicatatkan pada tahun 2010 iaitu RM9.5 bilion (**Carta 11**). Namun, jika perbandingan dibuat merentas empat selang masa di bawah, output subsektor Getah tidak memperlihatkan trend pertumbuhan yang konsisten, sebaliknya mengalami turun naik yang antaranya dipengaruhi oleh faktor harga komoditi global serta permintaan terhadap getah di pasaran tempatan dan antarabangsa.


Carta 11: Nilai dan Sumbangan Output Subsektor Getah kepada Output Sektor Pertanian, 1991 - 2021



Sumber: Jadual Input-Output, DOSM

Dari perspektif penggunaan input, subsektor ini mencatatkan penggunaan input sebanyak RM0.7 bilion bagi penghasilan produk pada tahun 2021. Sepanjang tiga dekad sebelumnya, penggunaan input menunjukkan peningkatan purata tahunan sebanyak 3.8 peratus, berbanding hanya RM0.2 bilion pada tahun 1991. Walau bagaimanapun, sumbangan penggunaan input bagi subsektor ini terhadap keseluruhan sektor Pertanian menurun daripada 4.6 peratus pada tahun 1991 kepada 2.2 peratus pada tahun 2021 (**Paparan 1**).


Paparan 1: Nilai dan Sumbangan Input Subsektor Getah kepada Input Sektor Pertanian, 1991- 2021



Sumber: Jadual Input-Output, DOSM

Subsektor ini telah menghasilkan nilai ditambah sebanyak RM3.1 bilion pada tahun 2021 ataupun 2.1 peratus daripada keseluruhan nilai ditambah sektor Pertanian (**Paparan 2**). Dalam tempoh 30 tahun, nilai ditambah subsektor ini meningkat secara purata 0.5 peratus setiap tahun (1991: RM2.7 bilion). Prestasi nilai ditambah subsektor Getah adalah seiring dengan prestasi output sepanjang tempoh tersebut. Pada tahun 2010, nilai ditambah tertinggi dicatatkan sebanyak RM6.4 bilion, selari dengan pencapaian output tertinggi sebanyak RM9.5 bilion pada tahun yang sama.


Paparan 2: Nilai Ditambah Subsektor Getah, 1991 - 2021



Sumber: Jadual Input-Output, DOSM

Selain itu, sumbangan nilai ditambah subsektor ini terhadap output mencatatkan 76.6 peratus pada tahun 2021, menunjukkan penurunan berbanding 89.6 peratus pada tahun 1991 (**Carta 12**). Penurunan ini mencerminkan peningkatan dalam penggunaan input serta komponen input utama lain yang merangkumi elemen import dan cukai bersih ke atas produk.

**Carta 12: Sumbangan Nilai Ditambah kepada Output
Subsektor Getah, 1991 - 2021**




Sumber: Jadual Input-Output, DOSM

Nota: Input Utama Lain adalah Import dan Cukai Bersih ke atas Produk

Melihat kepada analisis pengganda subsektor ini, perkembangan dalam keupayaan subsektor Getah untuk merangsang ekonomi dapat diperhatikan melalui perubahan dalam pengganda output dan pengganda nilai ditambah sepanjang tempoh 1991 hingga 2021. Pada tahun 2021, subsektor Getah memberikan pengganda output dengan nilai 1.31 berbanding 1.13 pada 30 tahun yang lepas (Carta 13). Ini bermaksud, pada tahun 2021 subsektor ini boleh memberikan peningkatan output kepada keseluruhan ekonomi sebanyak RM1.31 apabila terdapat peningkatan RM1 dalam permintaan akhir subsektor ini berbanding RM1.13 pada tahun 1991. Komposisi peningkatan output sebanyak RM1.31 (1991: RM1.13) merangkumi kesan secara langsung sebanyak RM1 dan kesan peningkatan tidak secara langsung sebanyak RM0.31 (1991: RM0.13).

Manakala, pengganda nilai ditambah bagi subsektor Getah direkodkan 0.95 pada tahun 1991, lebih tinggi berbanding 0.90 pada tahun 2021. Ini menunjukkan bahawa apabila permintaan akhir subsektor Getah meningkat RM1 pada tahun 1991, subsektor ini memberikan limpahan ekonomi sebanyak RM0.95 di mana limpahan secara langsung adalah sebanyak RM0.90 manakala RM0.05 selebihnya adalah limpahan secara tidak langsung. Berbanding 30 tahun selepas itu, kesan limpahan antara dua tempoh masa ini dilihat telah menurun dengan limpahan secara langsung pada 2021 adalah RM0.77 dan secara tidak langsung adalah RM0.13.

Carta 13: Pengganda Output dan Pengganda Nilai Ditambah Subsektor Getah, 1991 - 2021




Sumber: Jadual Input-Output, DOSM, Pengiraan dan analisis penulis

Penurunan pengganda nilai ditambah ini memberi implikasi bahawa sumbangan subsektor Getah dalam menjana nilai tambah kepada ekonomi semakin menyederhana, meskipun terdapat sedikit peningkatan dalam kesan limpahan tidak langsung. Antara faktor yang menyumbang kepada keadaan ini termasuk perubahan struktur ekonomi, peningkatan kebergantungan kepada input luaran atau pengganti lain serta peralihan dalam rantaian nilai yang mengurangkan keupayaan subsektor ini untuk mencipta nilai tambah secara langsung.

Dari segi rantaian ekonomi bagi subsektor Getah pula menunjukkan sebaliknya, di mana subsektor ini berubah daripada sektor strategik pada tahun 1991 kepada sektor sendiri pada tahun 2021 (**Paparan 3**). Perubahan ini sebahagian besarnya didorong oleh peningkatan ketara dalam eksport di mana pengeluaran output subsektor Getah pada tahun 2021 lebih tertumpu kepada pasaran antarabangsa berbanding 30 tahun yang lalu. Sebaliknya, ekonomi Malaysia pada tahun 1991 lebih didominasi oleh permintaan domestik (**Carta 14**).


Ini menunjukkan subsektor Getah berubah daripada industri yang berorientasikan domestik kepada industri yang berorientasikan eksport dalam tempoh tiga dekad bagi memenuhi permintaan global. Sepanjang tempoh tersebut, subsektor Perdagangan borong & runcit kekal sebagai industri yang diperlukan oleh subsektor Getah dalam penghasilan output manakala subsektor Pemprosesan getah, Pembuatan tayar getah & tiub serta Pembuatan sarung tangan getah merupakan industri yang sangat bergantung kepada output yang dikeluarkan oleh subsektor ini.

Paparan 3: Rantaian Ekonomi Subsektor Getah, 1991 - 2021



Sumber: Jadual Input-Output, DOSM, Pengiraan dan analisis penulis

Carta 14: Penggunaan Output Subsektor Getah Mengikut Penggunaan, 1991 - 2021




Sumber: Jadual Input-Output, DOSM

Subsektor Kelapa Sawit

Dalam tempoh 30 tahun, nilai output subsektor Kelapa sawit telah mengalami peningkatan ketara kepada RM99.9 bilion (1991: RM5.1 bilion). Peningkatan yang signifikan ini (CAGR: 10.4%) telah mengubah struktur kesemua subsektor di dalam sektor Pertanian di mana subsektor Kelapa sawit telah menjadi subsektor dominan di dalam sektor Pertanian mulai tahun 2000 dengan sumbangan sebanyak 49.7 peratus pada tahun 2021 (1991: 19.5%) seperti di **Carta 15**.

Carta 15: Nilai dan Sumbangan Output Subsektor Kelapa Sawit kepada Output Sektor Pertanian, 1991 - 2021




Sumber: Jadual Input-Output, DOSM

Transisi ini selari dengan pertumbuhan permintaan global pada tahun 2000-an terhadap produk berasaskan minyak sawit yang menjadi pemacu utama kepada lonjakan nilai output. Tambahan lagi, sebagai merangsang pelaburan berkaitan, kerajaan menggalakkan syarikat untuk melabur dalam pengeluaran produk berasaskan sumber seperti minyak sawit dengan memberikan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70.0 peratus atau elaun cukai pelaburan sebanyak 60.0 peratus untuk tempoh lima tahun. Selain itu, kerajaan turut menyediakan bantuan sokongan harga kepada peneroka FELDA yang menanam kelapa sawit dan getah, bertujuan mengurangkan kesan ketidakpastian harga komoditi. Dalam kata lain, faktor peluasan kawasan tanaman, peningkatan produktiviti hasil serta usaha pemodenan dan pembangunan berterusan dalam rantaian nilai kelapa sawit turut menyokong kepada pertumbuhan pesat ini.

Bagi memenuhi permintaan, penggunaan input bagi tujuan penghasilan output subsektor Kelapa sawit juga meningkat dengan peningkatan tahunan 11.5 peratus sepanjang tiga dekad (1991: RM0.4 bilion; 2021: RM10.4 bilion). Daripada keseluruhan penggunaan input oleh sektor Pertanian, subsektor Kelapa sawit telah menyumbang sebanyak 30.6 peratus pada tahun 2021 (1991: 7.6%) seperti di **Paparan 4**.

Paparan 4: Nilai dan Sumbangan Input Subsektor Kelapa Sawit kepada Input Sektor Pertanian, 1991 - 2021




Sumber: Jadual Input-Output, DOSM

Dari segi nilai penggunaan input dalam subsektor Kelapa sawit, kos penanaman didapati semakin berdaya saing, didorong oleh beberapa faktor utama. Antaranya ialah peningkatan kecekapan dan produktiviti menerusi penggunaan teknologi moden dan amalan agronomi yang lebih mampan serta diversifikasi penggunaan input seperti baja organik dan bio-pestisid yang berperanan mengurangkan kebergantungan kepada input tradisional. Pengoptimuman kos juga dicapai melalui penggunaan sumber alternatif yang lebih murah serta akses kepada input berkualiti dengan harga subsidi.

Hasilnya, sepanjang tempoh 30 tahun tersebut, jurang perbezaan antara penghasilan output dan penggunaan input subsektor Kelapa sawit semakin melebar, sekali gus memberi manfaat besar kepada negara. Perkembangan ini mendorong kepada peningkatan nilai ditambah subsektor berkenaan pada kadar purata tahunan 10.0 peratus, mencapai RM78.3 bilion pada tahun 2021 (1991: RM4.5 bilion). Tambahan pula, dalam tempoh tahun 2000 sehingga 2010, nilai ditambah subsektor ini merekodkan peningkatan purata dua digit sebanyak 19.1 peratus bagi tempoh 10 tahun, melonjak daripada RM7.9 bilion pada tahun 2000 kepada RM45.5 bilion pada tahun 2010, seperti ditunjukkan dalam **Paparan 5**.

Paparan 5: Nilai dan Pertumbuhan Purata Nilai Ditambah Subsektor Kelapa Sawit, 1991 - 2021




Sumber: Jadual Input-Output, DOSM

Dari sudut analisis pengganda output, perkembangan dalam keupayaan subsektor ini untuk merangsang ekonomi pada tahun 2021 adalah 1.17, lebih baik berbanding 30 tahun dahulu (1991: 1.12). Perspektif ini mencerminkan apabila terdapat peningkatan permintaan akhir subsektor Kelapa sawit sebanyak RM1, output keseluruhan sektor turut bertambah RM1.17 di mana peningkatan secara langsung adalah RM1. Manakala, peningkatan secara tidak langsung sebanyak RM0.17, hasil daripada rangkaian bekalan dan sokongan industri berkaitan. Bagi tahun 1991 pula, setiap RM1 peningkatan dalam permintaan akhir menyumbang RM1.12 kepada ekonomi, dengan kesan langsung sebanyak RM1 dan kesan tidak langsung sebanyak RM0.12. Perkembangan ini mencerminkan bahawa sepanjang tiga dekad, kedua-dua kesan langsung dan limpahan ekonomi menunjukkan peningkatan, didorong oleh pertumbuhan produktiviti, kecekapan operasi serta hubung kait yang semakin kukuh dalam rantaian bekalan subsektor ini.

Manakala, **Carta 16** menunjukkan analisis pengganda nilai ditambah bagi tahun 2021 dengan nilai 0.87 berbanding 0.93 pada tahun 1991. Ini bermaksud, dengan peningkatan RM1 terhadap permintaan akhir subsektor Kelapa sawit pada tahun 2021, akan menghasilkan limpahan ekonomi secara langsung dan tidak langsung sebanyak RM0.79 dan RM0.08. Berbeza dengan tiga dekad yang lepas di mana limpahan ekonomi yang terhasil adalah RM0.88 (secara langsung) dan RM0.05 (secara tidak langsung). Walaupun berlaku penurunan pengganda nilai ditambah antara dua tempoh masa ini, ia turut mencerminkan peralihan subsektor Kelapa sawit ke arah operasi yang lebih efisien dan berintensifkan teknologi yang lazimnya memerlukan pelaburan modal.


**Carta 16: Pengganda Output dan Pengganda Nilai Ditambah
Subsektor Kelapa Sawit, 1991 - 2021**



Sumber: Jadual Input-Output, DOSM, Pengiraan dan analisis penulis

Dari perspektif analisis rantaian ekonomi pula, subsektor Kelapa sawit menunjukkan prestasi memberangsangkan dengan kekal sebagai sektor strategik selama 30 tahun. Ini bermaksud, subsektor Kelapa sawit telah menjadi antara pemacu utama dalam merangsang pertumbuhan ekonomi Malaysia melalui sumbangannya yang berterusan dalam pertumbuhan KDNK. Walaupun penggunaan input subsektor secara langsung ataupun tidak langsung ini kekal berada di bawah purata keseluruhan ekonomi, output sektor ini tetap digunakan secara meluas oleh pelbagai sektor, menunjukkan kepentingan subsektor ini dalam kemajuan ekonomi negara (**Paparan 6**). Antara industri hulu subsektor Kelapa sawit adalah subsektor Kimia asas, Produk kimia lain dan Kok & petroleum bertapis. Manakala industri hiliran subsektor ini adalah subsektor Minyak & lemak sayuran dan haiwan dan Makanan haiwan tersedia.

Paparan 6: Rantaian Ekonomi Subsektor Kelapa Sawit, 1991 - 2021




Sumber: Jadual Input-Output, DOSM, Pengiraan dan analisis penulis

Subsektor Pertanian Lain

Subsektor ketiga di bawah kajian ini adalah subsektor Pertanian lain yang merujuk kepada pertanian selain daripada kelapa sawit dan getah, antaranya padi, sayur-sayuran dan buah-buahan. Bagi tahun 2021, subsektor ini turut menunjukkan peningkatan output yang ketara kepada RM39.7 bilion dengan kadar 7.2 peratus pertumbuhan tahunan sepanjang 30 tahun (1991: RM4.9 bilion). Lonjakan tertinggi berlaku dalam tempoh 2010 hingga 2021, di mana subsektor ini merekodkan pertumbuhan purata tahunan dua digit sebanyak 13.1 peratus, menggambarkan subsektor ini berpotensi dalam menyokong kelestarian sektor Pertanian negara (**Paparan 7**).

Paparan 7: Nilai dan Pertumbuhan Purata Output Subsektor Pertanian Lain, 1991 - 2021




Sumber: Jadual Input-Output, DOSM

Sebagai maklumat tambahan, pada tahun 2020, Malaysia mencatatkan nilai eksport buah-buahan tropika sebanyak RM1.34 bilion dengan sumbangan utama daripada buah-buahan seperti durian, tembikai, nanas dan pisang. KPKM menggalakkan eksport buah-buahan yang memiliki tahap sara diri melebihi 100 peratus dan berkualiti tinggi, sama ada dalam bentuk mentah, diproses secara minimum atau diproses menjadi produk.

Sebagai contoh, buah durian Malaysia, khususnya, berjaya menembusi pasaran antarabangsa dengan China sebagai destinasi utama sejak dibenarkan mengeksport durian sejuk beku dalam bentuk biji ke negara tersebut bermula Jun 2019. Selain China, durian Malaysia turut dieksport ke negara lain seperti Singapura dengan sebahagian daripadanya dieksport semula ke Hong Kong dan China. Peningkatan eksport ini mencerminkan permintaan global yang tinggi terhadap durian Malaysia terutamanya yang dilabelkan sebagai gred premium seperti Musang King.

Sementara itu dari perspektif input, subsektor ini mencatatkan penggunaan input sebanyak RM6.3 bilion atau 18.7 peratus daripada keseluruhan input sektor Pertanian pada tahun 2021. Berbanding tiga dekad sebelumnya (1991: RM0.9 bilion), penggunaan input bagi subsektor ini meningkat 6.8 peratus purata tahunan, sedikit rendah berbanding kadar peningkatan output. Trend lonjakan output turut disertai dengan peningkatan penggunaan input, terutamanya dalam tempoh 2010 hingga 2021. Namun begitu, dalam tempoh tersebut, kadar pertumbuhan penggunaan input mencatatkan peningkatan yang lebih tinggi berbanding output, iaitu sebanyak 14.7 peratus setiap tahun (**Paparan 8**).


Paparan 8: Nilai dan Pertumbuhan Purata Input Subsektor Pertanian Lain, 1991 - 2021



Sumber: Jadual Input-Output, DOSM

Seperti subsektor yang lain, nilai ditambah bagi subsektor Pertanian lain kekal melebihi jumlah penggunaan input pada tahun yang sama, melebihi 70.0 peratus daripada nilai output sepanjang 30 tahun tersebut (**Carta 17**). Pada 2021, walaupun kadar pertumbuhan tahunan input melebihi output, nilai peningkatan output dalam Ringgit Malaysia jauh lebih tinggi berbanding peningkatan dalam penggunaan input. Ini menjadikan nilai ditambah subsektor ini meningkat daripada RM3.7 bilion (1991) kepada RM29.1 bilion (2021), atau meningkat secara purata 7.1 peratus setiap tahun (**Paparan 9**).


Carta 17: Sumbangan Nilai Ditambah kepada Output bagi Subsektor Pertanian Lain, 1991 - 2021



Sumber: Jadual Input-Output, DOSM

Nota: Input Utama Lain adalah Import dan Cukai Bersih ke atas Produk

Paparan 9: Nilai Ditambah Subsektor Pertanian Lain, 1991 - 2021



Sumber: Jadual Input-Output, DOSM

Peningkatan ini didorong oleh beberapa faktor utama, antaranya langkah atau program galakan kerajaan seperti pemberian insentif, bantuan sokongan harga serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang telah memainkan peranan penting dalam memperkukuh daya saing subsektor ini. Perkembangan pasaran eksport bagi produk Pertanian lain walaupun terdapat persaingan dari negara jiran terutamanya bagi buah-buahan tropika dan hasil tanaman bernilai tinggi telah menyumbang kepada peningkatan nilai ditambah yang berterusan.

Dari sudut sumbangan terhadap sektor Pertanian pula, subsektor Pertanian lain dilihat semakin relevan terhadap kemajuan ekonomi Pertanian yang mana sumbangan nilai ditambah sektor ini adalah yang kedua tertinggi selepas subsektor Kelapa sawit dalam sektor Pertanian pada tahun 2021.


Biarpun output yang dihasilkan bertambah setiap tahun, analisis pengganda output bagi subsektor ini menunjukkan kestabilan sepanjang tempoh 1991 hingga 2021. Pengganda output subsektor Pertanian lain merekodkan 1.28 pada tahun 1991 dan 1.27 pada tahun 2021. Ini bermakna, setiap peningkatan RM1 dalam permintaan akhir subsektor ini menyumbang kepada peningkatan output keseluruhan ekonomi sebanyak RM1.27 pada tahun 2021 (1991: RM1.28), dengan kesan langsung sebanyak RM1 manakala kesan tidak langsung sebanyak RM0.27 (1991: 0.28).

Dari sudut pandangan yang positif, kestabilan pengganda dalam subsektor Pertanian lain membawa pelbagai kebaikan kepada negara, antaranya memperkukuh ketahanan ekonomi dengan memastikan sumbangan yang konsisten meskipun berdepan cabaran global. Ia juga menyokong perancangan dasar yang lebih berkesan serta memberikan keyakinan kepada pelabur serta pembuat dasar dalam keputusan berkaitan pembiayaan dan sokongan industri.

Analisis pengganda nilai ditambah pula mencatatkan 0.85 pada tahun 2021 dan 0.88 pada tahun 1991. Analisis ini boleh ditafsirkan dengan menyatakan limpahan keseluruhan ekonomi yang diperolehi apabila terdapat kenaikan RM1 dalam permintaan akhir

subsektor Pertanian lain bagi tahun 2021 adalah RM0.85 berbanding tahun 1991 sebanyak RM0.88 (**Carta 18**). Nilai yang lebih rendah dicatatkan pada tahun 2021 berbanding tahun 1991. Limpahan secara langsung yang dihasilkan pada tahun 2021 adalah sebanyak RM0.73 (1991: RM0.76) dan tidak langsung sebanyak RM0.12 (1991: RM0.12).

**Carta 18: Pengganda Output dan Pengganda Nilai Ditambah
Subsektor Pertanian Lain, 1991 - 2021**




Sumber: Jadual Input-Output, DOSM, Pengiraan dan analisis penulis

Melihat kepada hubungan rantaian ekonomi, subsektor Pertanian lain merupakan sektor sendiri seperti dapatan yang diperolehi bagi tahun 1991 sehingga 2021. Biarpun terdapat kenaikan terhadap penggunaan input serta penghasilan output subsektor ini, nilai tersebut masih tidak melebihi purata penggunaan input dan pengeluaran output untuk keseluruhan ekonomi. Namun begitu, subsektor ini terus memainkan peranan penting dalam menyokong ekonomi Malaysia, terutamanya dalam memperkukuh rantaian bekalan domestik dan mempelbagaikan sumber ekonomi (**Paparan 10**).

Kepentingan subsektor ini turut dilihat melalui hubung kaitnya dalam industri hulan seperti subsektor Elektrik dan gas dan Air yang membekalkan input penting bagi aktiviti pertanian. Di samping itu, subsektor ini juga menyumbang kepada industri hiliran seperti Produk bijian, kanji dan produk berkanji serta Makanan haiwan tersedia.

Paparan 10: Rantaian Ekonomi Subsektor Pertanian Lain, 1991 dan 2021




Sumber: Jadual Input-Output, DOSM, Pengiraan dan analisis penulis

Subsektor Ternakan

Subsektor Ternakan memainkan peranan penting dalam sektor Pertanian Malaysia, terutamanya sebagai sumber utama bekalan protein haiwan dan makanan kepada penduduk negara ini, contohnya seperti daging ayam, lembu, kambing dan lain-lain. Pada tahun 2021, subsektor ini menyumbang sebanyak RM33.3 bilion dalam nilai output, atau 16.6 peratus daripada keseluruhan output sektor Pertanian bagi tahun tersebut. Jika dibandingkan dengan tahun 1991, subsektor ini telah mencatatkan peningkatan ketara sebanyak RM29.4 bilion, dengan kadar pertumbuhan purata sebanyak 7.4 peratus setiap tahun sepanjang tempoh 30 tahun (**Carta 19**). Perkembangan ini menunjukkan peningkatan permintaan domestik terhadap produk Ternakan serta memberi gambaran awalan terdapat kemajuan dalam kaedah penternakan dan pengeluaran yang lebih efisien bagi memastikan keterjaminan makanan negara.

Carta 19: Nilai dan Sumbangan Output Subsektor Ternakan kepada Output Sektor Pertanian, 1991 - 2021




Sumber: Jadual Input-Output, DOSM

Antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan output ini termasuklah penggunaan teknologi moden dalam sistem penternakan (salah satunya sistem reban tertutup dalam penternakan ayam dan itik), penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk mempertingkatkan kualiti ternakan serta program sokongan kerajaan yang berkaitan. Sebagai contoh, fokus utama R&D dalam subsektor ini adalah bidang pembiakan, pemakanan, kesihatan ternakan dan pengeluaran ternakan secara ekonomik dan berskala besar. Selain itu, peningkatan permintaan domestik akibat pertambahan penduduk dan perubahan pilihan pemakanan turut menjadi pemangkin kepada perkembangan subsektor ini.

Dari aspek penggunaan input, jumlah input yang digunakan oleh subsektor ini pada tahun 2021 mencecah RM12.2 bilion, menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan berbanding RM2.6 bilion pada tahun 1991. Ini bersamaan dengan kadar pertumbuhan tahunan purata sebanyak 5.3 peratus dalam tempoh tiga dekad. Walau bagaimanapun, sumbangan input subsektor Ternakan terhadap keseluruhan input sektor Pertanian menunjukkan penurunan daripada 50.1 peratus pada tahun 1991 kepada 36.1 peratus pada tahun 2021 (**Paparan 11**).

Paparan 11: Nilai dan Sumbangan Input Subsektor Ternakan kepada Sektor Pertanian, 1991 - 2021




Sumber: Jadual Input-Output, DOSM

Dalam subsektor ini, pelbagai input digunakan bagi memastikan pengoperasian yang efisien dan produktif. Antara input utama ialah makanan haiwan seperti bijirin ternakan dan makanan formulasi khas yang penting untuk pertumbuhan ternakan yang sihat. Perubatan veterinar seperti vaksin dan antibiotik digunakan bagi memastikan kesihatan ternakan serta mencegah penyakit berjangkit. Selain itu, penggunaan tenaga dan utiliti seperti elektrik dan air pula menyokong operasi ladang termasuk sistem kawalan suhu dan pengudaraan. Manakala, peralatan dan infrastruktur seperti kandang dan sistem pengurusan sisa dapat mempertingkatkan kecekapan penternakan. Selain daripada input operasi tersebut, tenaga kerja mahir dan separa mahir dalam mengurus operasi harian serta berkebolehan dalam pemilihan benih ternakan berkualiti tinggi adalah penting untuk memastikan produktiviti yang berterusan.

Dalam aspek nilai ditambah, subsektor Ternakan telah mencatatkan nilai sebanyak RM19.1 bilion pada tahun 2021 (1991: RM1.1 bilion) seperti di **Paparan 12**. Sepanjang tempoh 30 tahun, nilai ditambah subsektor ini telah meningkat secara purata sebanyak 9.9 peratus setiap tahun. Peningkatan ini selari dengan perkembangan teknologi, penambahbaikan sistem pengurusan ternakan serta usaha berterusan dalam memperkukuh amalan penternakan moden.


Selain itu, secara relatifnya, sumbangan nilai ditambah terhadap output subsektor Ternakan juga menunjukkan lonjakan memberangsangkan daripada 28.2 peratus pada tahun 1991 kepada 57.1 peratus pada tahun 2021 (**Carta 20**).

Paparan 12: Nilai Ditambah Subsektor Ternakan, 1991 - 2021



Sumber: Jadual Input-Output, DOSM

Carta 20: Sumbangan Nilai Ditambah kepada Output Subsektor Ternakan, 1991 - 2021



Sumber: Jadual Input-Output, DOSM


Nota: Input Utama Lain adalah Import dan Cukai Bersih ke atas Produk

Dari sudut pengganda output, subsektor Ternakan mencatatkan pengganda 1.68 pada tahun 2021 berbanding 2.17 pada tahun 1991. Intepretasinya, jumlah peningkatan output keseluruhan ekonomi bertambah RM1.68 yang mana terdiri daripada peningkatan secara langsung RM1 dan peningkatan secara tidak langsung RM0.68 dan pada tahun 2021. Manakala peningkatan yang lebih ketara boleh dilihat pada tahun 1991 dengan peningkatan secara tidak langsung direkodkan sebanyak RM1.17 disebabkan oleh peningkatan secara langsung bagi output subsektor ini sebanyak RM1.

Penurunan pengganda output subsektor Ternakan daripada 2.17 pada tahun 1991 kepada 1.68 pada tahun 2021 memberikan isyarat penting kepada penggubal dasar untuk merangka strategi yang lebih berkesan dalam memperkukuh rangkaian bekalan domestik dan meningkatkan daya saing subsektor ini. Ia membuka peluang untuk memperkasakan sumber tempatan, mengurangkan kebergantungan kepada input luar serta merangsang inovasi dan produktiviti yang bersesuaian.

Sementara itu, pengganda nilai ditambah bagi subsektor Ternakan menunjukkan peningkatan daripada 0.69 pada tahun 1991 kepada 0.82 pada tahun 2021. Ini bermaksud bahawa pada tahun 2021, subsektor ini berjaya memberikan limpahan ekonomi secara menyeluruh sebanyak RM0.82 bagi setiap peningkatan RM1 dalam permintaan akhir, berbanding RM0.69 pada tahun 1991 (Carta 21). Ini didorong terutamanya oleh limpahan secara langsung, yang meningkat daripada RM0.28 kepada RM0.57, manakala limpahan secara tidak langsung mencatatkan penurunan daripada RM0.40 kepada RM0.25 dalam tempoh yang sama. Maklumat ini menunjukkan bahawa subsektor Ternakan semakin memainkan peranan yang lebih besar dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan, dengan lebih banyak nilai ditambah dihasilkan daripada aktiviti dalam subsektor ini.


**Carta 21: Pengganda Output dan Pengganda Nilai Ditambah
Subsektor Ternakan, 1991 - 2021**



Sumber: Jadual Input-Output, DOSM, Pengiraan dan analisis penulis

Berdasarkan **Paparan 13**, subsektor Ternakan berada dalam sektor pemacu pada kedua-dua tahun 1991 dan 2021. Ini menunjukkan bahawa subsektor ini mempunyai kebergantungan yang tinggi terhadap input daripada sektor lain dan pada masa yang sama, memberikan impak yang besar kepada sektor-sektor lain dalam ekonomi melalui rangkaian bekalannya. Antara industri huluhan bagi subsektor Ternakan adalah industri Makanan haiwan tersedia dan Padi. Manakala, industri hiliran subsektor ini adalah Pemprosesan dan pengawetan daging dan Makanan dan minuman.

Paparan 13: Rantaian Ekonomi Subsektor Ternakan, 1991 - 2021




Sumber: Jadual Input-Output, DOSM, Pengiraan dan analisis penulis

Subsektor Perhutanan dan pembalakan

Subsektor kelima dalam kajian ini adalah subsektor Perhutanan dan pembalakan. Secara keseluruhan, dalam tempoh tiga dekad yang lalu, subsektor ini mengalami perubahan dari segi sumbangan relatif dan variasi dalam pertumbuhan nilai output. Perbandingan antara tahun 1991 dan 2021 memperlihatkan corak perkembangan subsektor ini yang dipengaruhi oleh faktor seperti perubahan dasar kerajaan dan tumpuan kepada kelestarian alam sekitar yang mempengaruhi sektor Pertanian secara keseluruhan.

Pada tahun 2021, subsektor ini mencatatkan nilai output sebanyak RM8.8 bilion, bersamaan dengan 4.4 peratus daripada keseluruhan output sektor Pertanian bagi tahun tersebut. Jika dibandingkan dengan tahun 1991, subsektor ini merekodkan RM7.1 bilion dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 0.7 peratus bagi tempoh 30 tahun. Nilai output tertinggi subsektor ini direkodkan pada tahun 2010 dengan RM22.3 bilion, menyumbang 17.6 peratus kepada output sektor Pertanian (**Carta 22**).

Carta 22: Nilai dan Sumbangan Output Subsektor Perhutanan dan Pembalakan Kepada Output Sektor Pertanian, 1991 - 2021




Sumber: Jadual Input-Output, DOSM

Antara contoh output utama subsektor ini merangkumi hasil kayu balak, papan lapis, kayu gergaji serta produk berasaskan kayu seperti perabot dan kertas. Selain itu, subsektor ini turut menyumbang kepada pengeluaran resin, rotan dan hasil hutan bukan kayu (contohnya seperti rotan, buluh, madu hutan dan gaharu) yang semakin mendapat perhatian dalam usaha mempelbagaikan sumber pendapatan pencari hasil hutan.

Meninjau ke penggunaan input, pada tahun 2021, jumlah input yang digunakan oleh subsektor ini adalah sebanyak RM1.9 bilion. Jika dibandingkan dengan tahun 1991, di mana penggunaan input hanya berjumlah RM0.6 bilion, ini menunjukkan peningkatan purata tahunan sebanyak 3.7 peratus dalam tempoh tiga dekad. Walau bagaimanapun, sumbangan penggunaan input subsektor ini terhadap keseluruhan sektor Pertanian mengalami penurunan daripada 11.8 peratus pada tahun 1991 kepada 5.5 peratus pada tahun 2021 (**Paparan 14**).


Paparan 14: Nilai dan Sumbangan Input Subsektor Perhutanan dan Pembalakan kepada Input Sektor Pertanian, 1991 - 2021



Sumber: Jadual Input-Output, DOSM

Antara contoh input utama subsektor ini termasuk peralatan pembalakan, bahan api dan pelincir untuk operasi mesin dan bahan letupan berkaitan bagi kerja-kerja pembukaan kawasan hutan bagi operasi pembalakan. Selain itu, input perkhidmatan sokongan seperti logistik, penyelenggaraan jentera dan perkhidmatan pengangkutan juga memainkan peranan penting dalam menyokong aktiviti subsektor ini.


Paparan 15: Nilai Ditambah Subsektor Perhutanan dan Pembalakan, 1991 - 2021



Sumber: Jadual Input-Output, DOSM

Namun dari segi sumbangan, nilai ditambah terhadap output subsektor ini mengalami penurunan daripada 85.9 peratus pada tahun 1991 kepada 75.2 peratus pada tahun 2021 (**Carta 23**). Penurunan ini berkemungkinan disebabkan oleh faktor struktur kos dan penggunaan teknologi baharu. Selain itu juga, terdapat peralihan dalam corak permintaan terhadap produk perhutanan, di mana industri Pembinaan dan Pembuatan semakin beralih kepada bahan alternatif seperti besi, keluli dan konkrit yang lebih mudah didapati. Peralihan ini didorong oleh kos kayu yang semakin tinggi akibat keterbatasan sumber serta usaha untuk mengurangkan kebergantungan kepada bahan mentah dari hutan.

Carta 23: Sumbangan Nilai Ditambah kepada Output Subsektor Perhutanan dan Pembalakan, 1991 - 2021




Sumber: Jadual Input-Output, DOSM

Nota: Input Utama Lain adalah Import dan Cukai Bersih ke atas Produk

Dari sudut pengganda output, subsektor Perhutanan dan pembalakan mencatatkan 1.35 pada tahun 2021, meningkat daripada 1.14 pada tahun 1991. Ini bermakna setiap peningkatan RM1 dalam permintaan akhir subsektor ini pada tahun 1991 membawa kepada peningkatan output keseluruhan ekonomi sebanyak RM1.14 di mana terdiri daripada peningkatan secara langsung RM1 dan secara tidak langsung RM0.14. Pada tahun 2021, peningkatan ketara dapat dilihat bagi peningkatan output secara tidak langsung sebanyak RM0.35, seterusnya menghasilkan jumlah peningkatan output sebanyak RM1.35 dalam senario yang sama.

Sementara itu, pengganda nilai ditambah bagi subsektor ini mencatatkan nilai yang sama pada tahun 1991 dan 2021 dengan 0.92 (Carta 24). Ini bermakna bahawa pada tahun tersebut, subsektor ini menghasilkan limpahan ekonomi sebanyak RM0.92 bagi setiap peningkatan RM1 dalam permintaan akhir. Walaupun begitu, limpahan secara tidak langsung bertambah kepada RM0.17 pada tahun 2021 (1991: RM0.06) manakala limpahan secara langsung berkurang kepada RM0.75 (1991: RM0.86).

Carta 24: Pengganda Output dan Pengganda Nilai Ditambah Subsektor Perhutanan dan Pembalakan, 1991 - 2021




Sumber: Jadual Input-Output, DOSM, Pengiraan dan analisis penulis

Melihat kepada dapatan pengganda output, subsektor Perhutanan dan pembalakan meningkat daripada 1.14 pada tahun 1991 kepada 1.35 pada tahun 2021. Ini menunjukkan subsektor Perhutanan dan pembalakan semakin berhubungkait dengan sektor lain dan membuka peluang untuk memperkukuh rantai nilai domestik melalui pembangunan industri hiliran. Penurunan pengganda nilai ditambah adalah marginal, dengan nilai sekitar 0.92 dicatatkan bagi tahun 1991 dan 2021. Meskipun penurunannya kecil, ia menunjukkan perubahan dalam struktur ekonomi bagi tahun tersebut dipengaruhi oleh agenda kelestarian. Peningkatan limpahan tidak langsung menunjukkan potensi manfaat ekonomi yang lebih meluas, seterusnya memberi isyarat kepada penggubal dasar untuk memperkukuh proses pengintegrasian, menggalakkan pelaburan dalam teknologi moden serta mempelbagaikan produk bagi meningkatkan nilai tambah subsektor ini.

Paparan 16 menunjukkan pada tahun 1991 subsektor Perhutanan dan pembalakan berada pada sektor sendiri. Ianya mencerminkan tahap kebergantungan input dan penjualan output yang lebih rendah berbanding purata keseluruhan sektor ekonomi. Kedudukan ini menunjukkan bahawa subsektor ini lebih bersifat terasing dalam ekosistem ekonomi, dengan keterlibatan yang terhad dalam rantai bekalan sektor lain.


Paparan 16: Rantaian Ekonomi Subsektor Perhutanan dan pembalakan, 1991 - 2021



Sumber: Jadual Input-Output, DOSM, Pengiraan dan analisis penulis

Menjelang tahun 2021, subsektor ini telah mengalami perubahan ketara, beralih kepada sektor strategik. Peralihan ini adalah kerana output subsektor ini didominasi oleh industri domestik berbanding 30 tahun yang lepas yang didominasi oleh eksport (**Carta 25**). Antara input utama yang digunakan oleh subsektor ini adalah diesel, petrol dan kos penyelenggaraan bagi kenderaan bermotor. Manakala industri hilirannya adalah subsektor Pengilangan dan pengetaman kayu, Kepingan venier dan panel berasaskan kayu dan Pembuatan kertas.

Carta 25: Output Subsektor Perhutanan dan Pembalakan Mengikut Pecahan Penggunaan, 1991 - 2021




Sumber: Jadual Input-Output, DOSM

Subsektor Perikanan

Subsektor Perikanan merupakan penyumbang keempat terpenting KDNK negara pada 2020-an dan penyumbang protein termurah. Pada tahun 2021, subsektor ini telah mencatatkan nilai output sebanyak RM15.0 bilion, mewakili 7.5 peratus daripada keseluruhan sektor Pertanian. Jika dibandingkan dengan tahun 1991, output subsektor ini meningkat sebanyak RM12.8 bilion, dengan kadar pertumbuhan purata tahunan iaitu 6.6 peratus. Peningkatan ini mencerminkan pertumbuhan yang pesat dalam industri Perikanan, didorong oleh permintaan domestik dan antarabangsa yang tinggi serta perkembangan dalam teknologi tangkapan dan akuakultur (**Carta 26**). Selain itu, pertumbuhan eksport hasil perikanan, khususnya ikan segar, makanan laut sejuk beku dan produk berasaskan akuakultur turut membantu meningkatkan daya saing subsektor ini di peringkat global .


Carta 26: Nilai dan Sumbangan Output Subsektor Perikanan kepada Output Sektor Pertanian, 1991 - 2021



Sumber: Jadual Input-Output, DOSM

Bagi memastikan kelangsungan pengeluaran hasil perikanan, subsektor ini memerlukan penggunaan pelbagai input seperti bahan api untuk bot, makanan akuakultur, peralatan tangkapan dan kemudahan penyimpanan. Seiring dengan peningkatan output sepanjang 3 dekad yang lalu, tahun 2021 memperlihatkan jumlah penggunaan input yang meningkat ketara dalam subsektor ini dengan merekodkan RM2.3 bilion daripada RM0.5 bilion pada tahun 1991. Ini menunjukkan kadar pertumbuhan purata sebanyak 5.5 peratus setahun sepanjang tempoh 30 tahun. Meskipun begitu, jika dilihat dari segi perbandingan tahun 1991 dan 2021, sumbangan penggunaan input bagi subsektor ini terhadap keseluruhan sektor Pertanian menunjukkan penurunan daripada 8.8 peratus pada tahun 1991 kepada 6.9 peratus pada tahun 2021 (**Paparan 17**). Trend ini mencerminkan peningkatan kecekapan dalam penggunaan sumber serta adaptasi kepada teknologi yang lebih moden dalam subsektor Perikanan.


Paparan 17: Nilai dan Sumbangan Input Subsektor Perikanan kepada Input Sektor Pertanian, 1991 - 2021



Sumber: Jadual Input-Output, DOSM

Selain itu, subsektor Perikanan mencatatkan peningkatan bagi nilai ditambah. Pada tahun 2021, subsektor ini menyumbang sebanyak RM12.3 bilion kepada nilai ditambah sektor Pertanian, bersamaan dengan 8.3 peratus daripada keseluruhan sektor tersebut (**Paparan 18**). Dalam tempoh 30 tahun, nilai ditambah subsektor ini meningkat pada kadar purata 7.0 peratus setahun, didorong oleh peningkatan produktiviti, pemodenan subsektor Perikanan dan sokongan berterusan daripada dasar kerajaan seperti Dasar Agromakanan Negara (DAN). Sebagai inisiatif utama, DAN menggalakkan penerapan teknologi moden, automasi dan amalan pertanian pintar bagi meningkatkan hasil dengan penggunaan input yang lebih cekap. Pendekatan ini bukan sahaja mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja dan bahan mentah tetapi juga meningkatkan kualiti serta kuantiti output Perikanan.


Paparan 18: Nilai Ditambah Subsektor Perikanan, 1991 - 2021



Sumber: Jadual Input-Output, DOSM

Hasilnya, sumbangan nilai ditambah terhadap output subsektor ini meningkat daripada 73.8 peratus pada tahun 1991 kepada 82.2 peratus pada tahun 2021. Peningkatan ini menunjukkan subsektor ini bukan sahaja berkembang dari segi pengeluaran, tetapi juga dalam keupayaannya untuk menjana nilai ekonomi yang lebih tinggi (**Carta 27**). Ini selari dengan inisiatif kerajaan dalam memperkukuh daya saing subsektor Perikanan melalui teknologi akuakultur, insentif kepada nelayan dan usahawan perikanan serta pelaksanaan langkah-langkah kelestarian bagi menangani cabaran seperti perubahan iklim dan eksploitasi sumber marin.

**Carta 27: Sumbangan Nilai Ditambah kepada Output
Subsektor Perikanan, 1991 - 2021**




Sumber: Jadual Input-Output, DOSM

Nota: Input Utama Lain adalah Import dan Cukai Bersih ke atas Produk

Dari perspektif kesan pengganda kepada ekonomi, subsektor Perikanan memberikan pengganda output 1.28 pada tahun 2021 manakala 1.33 pada tahun 1991. Dapatan ini menunjukkan bahawa setiap peningkatan permintaan akhir subsektor ini sebanyak RM1, akan menyumbang kepada peningkatan output keseluruhan ekonomi kepada RM1.28 pada tahun 2021 (1991: RM1.33). Hal ini disumbangkan oleh kesan secara tidak langsung yang meningkat kepada RM0.28 (1991:0.33).

Pengganda nilai ditambah subsektor ini menunjukkan peningkatan daripada 0.88 pada tahun 1991 kepada 0.93 pada tahun 2021 (Carta 28). Ini bermaksud pada tahun 2021, peningkatan RM1 dalam permintaan akhir subsektor ini menghasilkan RM0.93 (1991: RM: 0.88) limpahan kepada keseluruhan sektor ekonomi, di mana disumbangkan oleh limpahan secara langsung iaitu RM0.82 (1991: RM0.74) dan limpahan secara tidak langsung RM0.11 (1991: RM0.14).


**Carta 28: Pengganda Output dan Pengganda Nilai Ditambah
Subsektor Perikanan, 1991 - 2021**



Sumber: Jadual Input-Output, DOSM, Pengiraan dan analisis penulis

Dari segi hubungan rantaian ekonomi, tahun 1991 dan 2021 memperlihatkan subsektor Perikanan berada dalam sektor sendiri, menunjukkan bahawa ia mempunyai kebergantungan yang rendah terhadap sektor lain dalam aspek perolehan input dan penjualan output. Kedudukan ini mencerminkan bahawa subsektor Perikanan beroperasi secara relatif berdikari dalam ekosistem ekonominya dengan pengaruh yang terhad terhadap rantaian bekalan sektor lain (**Paparan 19**). Antara input utama yang digunakan oleh subsektor ini termasuklah diesel, petrol, palet makanan ikan dan dedak dan sisa pertanian yang diproses. Manakala, industri hiliran bagi subsektor ini adalah subsektor Pemprosesan dan pengawetan makanan laut, Perdagangan borong & runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal dan Makanan dan minuman.

Paparan 19: Rantaian Ekonomi Subsektor Perikanan, 1991 - 2021



Sumber: Jadual Input-Output, DOSM, Pengiraan dan analisis penulis

KESIMPULAN

Pertanian memainkan peranan yang jauh lebih luas dalam ekonomi negara melalui sumbangan output, nilai ditambah dan rantai bekalan yang saling berkait dengan sektor lain. Trend ekonomi sektor Pertanian sepanjang tiga dekad memperlihatkan peralihan tumpuan kepada komoditi yang berkait rapat dengan industri pemprosesan makanan dan eksport, terutamanya minyak sawit. Perkembangan ini adalah selari dengan keperluan dan permintaan yang semakin meningkat di peringkat domestik dan global.

Daripada persektif kesan pengganda, subsektor Kelapa sawit kekal sebagai penyumbang terbesar dengan pertumbuhan output dan nilai ditambah yang konsisten, disokong oleh dasar galakan pelaburan dan peluasan pasaran antarabangsa. Sementara itu, subsektor Ternakan memperlihatkan peningkatan nilai ditambah yang ketara impak daripada pemodenan sistem pengeluaran, manakala subsektor Pertanian Lain menunjukkan potensi besar dalam menyokong keterjaminan makanan negara, terutama melalui pertumbuhan eksport buah-buahan tropika. Sebaliknya, subsektor Getah dan Perhutanan berdepan penurunan dari segi pengganda nilai ditambah dan kedudukan dalam rantai ekonomi. Ianya menandakan keperluan untuk penstrukturan semula bagi meningkatkan integrasi domestik dan mengurangkan kebergantungan kepada input luar. Dalam masa yang sama, subsektor Perikanan mencatatkan prestasi memberangsangkan dari segi kecekapan penggunaan input dan peningkatan limpahan ekonomi, selaras dengan pelaksanaan Dasar Agromakanan Negara yang menekankan penggunaan teknologi dan kelestarian.

Secara keseluruhan, dapatan ini mengukuhkan lagi peranan sektor Pertanian sebagai pemangkin penting kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih menyeluruh. Oleh itu, hasil analisis pengganda dan rantai ekonomi wajar dijadikan asas dalam merangka dasar yang lebih berfokus, termasuk usaha memperkukuh keupayaan teknologi, mengembangkan sektor hiliran dan mempertingkatkan daya saing subsektor yang berpotensi. Langkah-langkah ini penting bagi memastikan sektor Pertanian kekal relevan, mampan dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran ekonomi masa hadapan.



Jadual 1: Ringkasan Jadual Pengeluaran Domestik pada Harga Asas, Aktiviti mengikut Komoditi (RM Juta), 2021

Komoditi Aktiviti		Getah	Kelapa Sawit	Pertanian Lain	Ternakan	Perhutanan dan Pembalakan	Perikanan	Perlombongan dan Pengkuarian
		1	2	3	4	5	6	7
1	Getah	3,622	40	80	1	-	-	-
2	Kelapa Sawit	359	83,777	2,524	195	0	33	-
3	Pertanian Lain	12	242	35,951	25	-	5	-
4	Ternakan	-	70	2	31,703	16	2	-
5	Perhutanan dan Pembalakan	86	10	-	-	6,784	-	-
6	Perikanan	-	0	-	0	-	14,457	-
7	Perlombongan dan Pengkuarian	-	-	-	-	-	-	151,813
8	Pembuatan	-	-	-	-	-	-	248
9	Utiliti	-	-	-	-	-	-	-
10	Pembinaan	-	-	-	-	-	-	-
11	Perdagangan Borong & Runcit	-	-	-	-	-	-	-
12	Penginapan dan Makanan & Minuman	-	-	-	-	-	-	-
13	Pengangkutan & Penyimpanan dan Maklumat & Komunikasi	-	-	-	-	-	-	-
14	Kewangan & Insurans	-	-	-	-	-	-	-
15	Hartanah & Pemilikan Tempat Kediaman	-	-	-	-	-	-	-
16	Perkhidmatan Perniagaan & Persendirian	-	-	-	-	-	-	-
17	Perkhidmatan Kerajaan	-	-	-	-	-	-	-
18	JUMLAH OUTPUT KOMODITI	4,079	84,140	38,557	31,925	6,800	14,497	152,061

Jadual 1: Ringkasan Jadual Pengeluaran Domestik pada Harga Asas, Aktiviti mengikut Komoditi (RM Juta), 2021

Pembuatan	Utiliti	Pembinaan	Perdagangan Borong & Runcit	Penginapan dan Makanan & Minuman	Pengangkutan & Penyimpanan dan Maklumat & Komunikasi	Kewangan & Insurans	Hartanah & Pemilikan Tempatan	Perkhidmatan Perniagaan & Persendirian	Perkhidmatan Kerajaan	Jumlah Output Industri
8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18
0	-	-	301	-	-	-	0	48	-	4,093
49	-	-	12,241	-	-	-	172	510	-	99,859
22	-	-	3,138	-	-	-	20	292	-	39,707
46	-	-	940	-	-	-	9	556	-	33,344
-	-	-	662	-	-	-	5	1,263	-	8,809
134	-	-	211	-	-	-	10	172	-	14,983
3,298	1	149	259	-	-	-	11	1,824	-	157,355
1,617,818	-	-	15,999	-	-	-	1,311	5,205	-	1,640,581
1,023	86,846	22	-	-	-	-	89	641	-	88,621
-	-	185,139	-	-	-	-	129	663	-	185,932
-	-	-	371,091	-	-	-	14,749	15,794	-	401,635
-	-	-	-	85,271	29	-	224	881	-	86,405
188	-	-	-	-	274,751	-	790	14,596	-	290,324
-	-	-	-	-	-	135,904	955	23,497	-	160,355
-	-	-	-	-	-	-	67,520	2,501	-	70,022
-	-	-	-	40	3	-	148	82,114	-	82,305
76	944	-	-	-	125	-	217	5,310	236,325	242,998
1,622,654	87,791	185,310	404,841	85,311	274,908	135,904	86,361	155,866	236,325	3,607,329

Jadual 2: Ringkasan Jadual Pengeluaran Domestik pada Harga Asas, Aktiviti mengikut Komoditi (RM Juta), 2010

Komoditi Aktiviti		Getah	Kelapa Sawit	Pertanian Lain	Ternakan	Perhutanan dan Pembalakan	Perikanan	Perlombongan dan Pengkuarian
		1	2	3	4	5	6	7
1	Getah	9,426	-	0	30	-	-	-
2	Kelapa Sawit	-	59,843	1	221	-	1	-
3	Pertanian Lain	-	-	9,505	571	-	2	-
4	Ternakan	0	57	0	11,044	-	9	-
5	Perhutanan dan Pembalakan	-	-	481	-	20,508	-	-
6	Perikanan	-	92	-	3	-	12,071	-
7	Perlombongan dan Pengkuarian	-	-	-	-	-	-	107,183
8	Pembuatan	-	-	-	-	-	-	-
9	Utiliti	-	-	-	-	-	-	-
10	Pembinaan	-	-	-	-	-	-	-
11	Perdagangan Borong & Runcit	-	-	-	-	-	-	-
12	Penginapan dan Makanan & Minuman	-	-	-	-	-	-	-
13	Pengangkutan & Penyimpanan dan Maklumat & Komunikasi	-	-	-	-	-	-	-
14	Kewangan & Insurans	-	-	-	-	-	-	-
15	Hartanah & Pemilikan Tempat Kediaman	-	-	-	-	-	-	-
16	Perkhidmatan Perniagaan & Persendirian	-	-	-	-	-	-	-
17	Perkhidmatan Kerajaan	-	-	-	-	-	-	-
18	JUMLAH OUTPUT KOMODITI	9,426	59,992	9,986	11,869	20,508	12,082	107,183

Jadual 2: Ringkasan Jadual Pengeluaran Domestik pada Harga Asas, Aktiviti mengikut Komoditi (RM Juta), 2010

Pembuatan	Utiliti	Pembinaan	Perdagangan Borong & Runcit	Penginapan dan Makanan & Minuman	Pengangkutan & Penyimpanan dan Maklumat & Komunikasi	Kewangan & Insurans	Hartanah & Pemilikan Tempatan	Perkhidmatan Perniagaan & Persendirian	Perkhidmatan Kerajaan	Jumlah Output Industri
8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18
-	-	-	0	-	-	-	1	12	-	9,468
0	-	-	11	-	-	-	106	495	-	60,677
-	-	-	3	-	-	-	9	116	-	10,207
47	-	-	313	-	3	-	9	17	-	11,499
-	-	-	158	-	-	-	664	483	-	22,294
308	-	4	15	-	-	-	-	12	-	12,505
283	-	7	9	-	29	-	3	35	-	107,549
900,396	7	396	1,789	-	-	-	391	2,156	-	905,133
-	44,446	-	1,493	-	-	-	10	1,371	-	47,319
-	-	90,400	408	-	-	-	97	457	-	91,362
-	-	-	198,289	-	-	-	227	1,456	-	199,972
16	-	0	-	47,236	0	-	228	200	-	47,681
48	-	38	5	0	161,592	259	466	2,641	-	165,051
-	-	-	-	-	-	121,441	8,132	15,954	-	145,528
-	-	-	-	-	-	-	38,145	-	-	38,145
1	-	1	-	-	0	-	136	64,063	0	64,201
8	-	-	-	-	-	-	162	5,281	130,128	135,579
901,108	44,452	90,846	202,491	47,236	161,624	121,700	48,789	94,749	130,128	2,074,171

Jadual 3: Ringkasan Jadual Pengeluaran Domestik pada Harga Asas, Aktiviti mengikut Komoditi (RM Juta), 2000

Komoditi Aktiviti		Getah	Kelapa Sawit	Pertanian Lain	Ternakan	Perhutanan dan Pembalakan	Perikanan	Perlombongan dan Pengkuarian
		1	2	3	4	5	6	7
1	Getah	2,035	-	-	-	-	-	-
2	Kelapa Sawit	-	3,651	58	-	-	-	-
3	Pertanian Lain	-	-	7,007	-	-	-	-
4	Ternakan	-	-	-	6,246	-	-	-
5	Perhutanan dan Pembalakan	-	-	1	-	11,191	-	-
6	Perikanan	-	-	-	-	-	5,453	-
7	Perlombongan dan Pengkuarian	-	-	-	-	-	-	43,831
8	Pembuatan	1,887	-	-	-	-	-	27
9	Utiliti	-	-	-	-	-	-	-
10	Pembinaan	-	-	-	-	-	-	-
11	Perdagangan Borong & Runcit	-	-	-	-	-	-	-
12	Penginapan dan Makanan & Minuman	-	-	-	-	-	-	-
13	Pengangkutan & Penyimpanan dan Maklumat & Komunikasi	-	-	-	-	-	-	-
14	Kewangan & Insurans	-	-	-	-	-	-	-
15	Hartanah & Pemilikan Tempat Kediaman	-	-	-	-	-	-	-
16	Perkhidmatan Perniagaan & Persendirian	-	-	-	-	-	-	-
17	Perkhidmatan Kerajaan	16	-	7	0	-	-	-
18	JUMLAH OUTPUT KOMODITI	3,938	3,651	7,073	6,247	11,191	5,453	43,858

Jadual 3: Ringkasan Jadual Pengeluaran Domestik pada Harga Asas, Aktiviti mengikut Komoditi (RM Juta), 2000

Pembuatan	Utiliti	Pembinaan	Perdagangan Borong & Runcit	Penginapan dan Makanan & Minuman	Pengangkutan & Penyimpanan dan Maklumat & Komunikasi	Kewangan & Insurans	Hartanah & Pemilikan Tempatan	Perkhidmatan Perniagaan & Persendirian	Perkhidmatan Kerajaan	Jumlah Output Industri
8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18
0	-	1	-	-	0	-	0	-	-	2,036
6,880	-	24	-	-	-	-	-	22	-	10,634
21	-	3	-	-	-	-	-	-	-	7,031
44	-	-	-	-	-	-	-	-	-	6,290
2,791	-	-	-	-	-	-	-	0	-	13,982
-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	5,453
419	1	0	9	-	20	-	3	2,462	-	46,744
486,485	-	907	526	-	-	-	260	1,904	-	491,995
17	17,371	3	-	-	-	-	634	443	-	18,468
-	-	44,123	52	-	-	73	76	214	-	44,538
0	-	1	51,354	-	-	182	204	234	-	51,975
1	-	14	-	20,857	115	-	112	233	42	21,374
55	-	3	8	1	51,876	-	420	967	5	53,335
1	-	5	-	-	29	35,916	-	15	-	35,967
-	0	5	-	1	4	0	22,533	28	-	22,571
43	1	1	266	41	11	11	22	22,599	1	22,996
73	8	2	133	5	8	10	434	1,494	39,248	41,438
496,830	17,380	45,091	52,348	20,905	52,064	36,192	24,698	30,614	39,296	896,828

Jadual 4: Ringkasan Jadual Pengeluaran Domestik pada Harga Asas, Aktiviti mengikut Komoditi (RM Juta), 1991

Komoditi Aktiviti		Getah	Kelapa Sawit	Pertanian Lain	Ternakan	Perhutanan dan Pembalakan	Perikanan	Perlombongan dan Pengkuarian
		1	2	3	4	5	6	7
1	Getah	2,590	-	-	-	-	-	-
2	Kelapa Sawit	-	2,185	-	-	-	-	-
3	Pertanian Lain	-	-	4,489	-	-	-	-
4	Ternakan	-	-	-	3,924	-	-	-
5	Perhutanan dan Pembalakan	42	-	-	-	7,015	-	-
6	Perikanan	-	-	-	-	-	2,179	-
7	Perlombongan dan Pengkuarian	-	-	-	-	-	-	15,266
8	Pembuatan	-	-	4	0	165	-	103
9	Utiliti	-	-	-	-	-	-	-
10	Pembinaan	-	-	-	-	-	-	1
11	Perdagangan Borong & Runcit	-	-	-	-	-	-	-
12	Penginapan dan Makanan & Minuman	-	-	-	-	-	-	-
13	Pengangkutan & Penyimpanan dan Maklumat & Komunikasi	-	-	-	-	-	-	-
14	Kewangan & Insurans	-	-	-	-	-	-	-
15	Hartanah & Pemilikan Tempat Kediaman	-	-	-	-	-	-	-
16	Perkhidmatan Perniagaan & Persendirian	-	-	-	-	-	-	-
17	Perkhidmatan Kerajaan	11	4	4	2	-	-	-
18	JUMLAH OUTPUT KOMODITI	2,643	2,189	4,497	3,927	7,180	2,179	15,369

Jadual 4: Ringkasan Jadual Pengeluaran Domestik pada Harga Asas, Aktiviti mengikut Komoditi (RM Juta), 1991

Pembuatan	Utiliti	Pembinaan	Perdagangan Borong & Runcit	Penginapan dan Makanan & Minuman	Pengangkutan & Penyimpanan dan Maklumat & Komunikasi	Kewangan & Insurans	Hartanah & Pemilikan Tempatan	Perkhidmatan Perniagaan & Persendirian	Perkhidmatan Kerajaan	Jumlah Output Industri
8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18
395	-	8	0	-	-	-	-	-	-	2,994
2,886	-	38	0	-	-	-	-	-	-	5,109
383	-	14	0	-	-	-	-	-	-	4,886
33	-	-	-	-	-	-	-	-	-	3,958
-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	7,057
-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2,179
41	-	7	2	1	28	-	1	10	-	15,355
131,820	9	525	805	-	531	-	101	882	-	134,944
6	5,413	1	0	-	2	0	12	8	41	5,483
0	-	24,394	69	38	65	-	35	77	-	24,678
554	-	88	26,080	9	155	-	-	-	-	26,885
-	-	16	88	6,761	41	-	40	37	7	6,990
584	1	6	37	16	16,326	-	86	380	0	17,434
-	-	-	-	-	-	9,632	19	-	-	9,652
-	-	-	-	-	0	-	9,562	-	-	9,562
12	-	0	22	-	1	2	14	6,624	9	6,682
4	-	-	2	2	76	0	237	468	19,770	20,579
136,717	5,423	25,096	27,105	6,826	17,224	9,635	10,107	8,485	19,827	304,429

Jadual 5: Ringkasan Jadual Penggunaan Domestik pada Harga Asas, Komoditi mengikut Aktiviti (RM Juta), 2021

Aktiviti Komoditi		Getah	Kelapa Sawit	Pertanian Lain	Ternakan	Perhutanan dan Pembalakan	Perikanan	Perlombongan dan Pengkuarian	Pembuatan	Utiliti	Pembinaan	Perdagangan Borong & Runcit
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11
1	Getah	0	-	-	-	-	-	-	65	-	-	5
2	Kelapa Sawit	-	-	-	-	-	-	-	75,466	-	-	2,080
3	Pertanian Lain	1	1,320	417	9	-	-	-	7,506	-	-	2,625
4	Ternakan	3	46	12	62	-	-	-	5,759	-	-	605
5	Perhutanan dan Pembalakan	159	327	38	-	601	-	-	3,169	-	-	365
6	Perikanan	-	-	-	-	-	28	-	1,560	-	-	229
7	Perlombongan dan Pengkuarian	-	53	-	10	0	-	8,970	70,549	272	6,184	6
8	Pembuatan	328	3,183	2,517	8,840	639	1,551	6,228	491,678	9,579	54,696	46,239
9	Utiliti	14	321	579	154	5	53	374	39,229	7,501	702	10,267
10	Pembinaan	-	-	-	43	127	9	1,119	1,337	7,814	8,938	8,617
11	Perdagangan Borong & Runcit	128	1,631	1,068	1,826	296	349	4,018	144,034	3,562	16,439	13,972
12	Penginapan dan Makanan & Minuman	12	447	218	90	20	32	286	2,708	20	78	-
13	Pengangkutan & Penyimpanan dan Maklumat & Komunikasi	24	289	227	264	37	51	1,056	24,181	931	4,286	9,306
14	Kewangan & Insurans	56	1,587	871	468	92	112	1,351	20,056	1,069	6,216	23,768
15	Hartanah & Pemilikan Tempat Kediaman	4	195	83	19	9	22	184	2,552	24	407	3,036
16	Perkhidmatan Perniagaan & Persendirian	19	983	304	463	46	127	1,147	25,355	1,582	3,228	6,564
17	Perkhidmatan Kerajaan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
18	JUMLAH INPUT PERANTARAAN	748	10,382	6,333	12,248	1,871	2,333	24,733	915,205	32,355	101,174	127,684
19	Pembelian Langsung oleh Residen di Luar Negeri	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
20	Pembelian Dalam Negeri oleh Bukan Residen	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
21	JUMLAH INPUT	748	10,382	6,333	12,248	1,871	2,333	24,733	915,205	32,355	101,174	127,684
22	Komoditi Import	224	11,153	4,335	1,969	312	356	8,276	365,012	14,310	28,943	26,206
23	Cukai ke atas Produk	8	239	143	84	30	27	340	11,687	196	995	1,788
24	Subsidi ke atas Produk	21	261	172	11	24	53	153	6,299	516	653	555
25	Nilai Ditambah Kasar	3,134	78,346	29,067	19,054	6,621	12,320	124,159	354,976	42,277	55,472	246,511
26	Pampasan Pekerja	287	14,305	2,390	1,998	550	816	11,037	128,075	6,571	42,996	79,281
27	Cukai Bersih Lain ke atas Pengeluaran	(3)	(50)	(31)	(26)	(6)	(13)	(107)	(1,262)	(73)	(170)	(346)
28	Lebihan Kendalian, Kasar	2,849	64,090	26,708	17,082	6,076	11,517	113,229	228,163	35,778	12,647	167,576
29	Penggunaan Modal Tetap	241	3,566	2,521	1,561	576	934	26,339	51,688	21,001	4,970	11,169
30	Lebihan Kendalian, Bersih	2,609	60,525	24,187	15,521	5,500	10,583	86,891	176,475	14,777	7,677	156,407
31	JUMLAH OUTPUT	4,093	99,859	39,707	33,344	8,809	14,983	157,355	1,640,581	88,621	185,932	401,635

Jadual 5: Ringkasan Jadual Penggunaan Domestik pada Harga Asas, Komoditi mengikut Aktiviti (RM Juta), 2021

Penginapan dan Makanan & Minuman	Pengangkutan & Penyimpanan dan Maklumat & Komunikasi	Kewangan & Insurans	Hartanah & Pemilikan Tempat Kediaman	Perkhidmatan Perniagaan & Persendirian	Perkhidmatan Kerajaan	Jumlah Penggunaan Perantara	Penggunaan Swasta	Penggunaan Kerajaan	Pembentukan Modal Tetap Kasar	Perubahan Inventori	Jumlah Penggunaan Domestik	Eksport	Jumlah Penggunaan Akhir	Jumlah Penggunaan
12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26
-	-	-	-	-	-	70	-	-	641	319	960	3,049	4,008	4,079
-	-	-	-	-	-	77,546	-	-	2,799	3,024	5,824	770	6,594	84,140
1,054	-	-	-	-	-	12,932	23,030	-	253	566	23,848	1,777	25,625	38,557
929	-	-	-	-	-	7,414	22,547	-	777	311	23,636	875	24,510	31,925
-	-	-	-	-	-	4,659	132	-	-	369	501	1,640	2,142	6,800
965	-	-	-	-	-	2,783	10,373	-	12	295	10,680	1,035	11,715	14,497
-	-	-	-	-	-	86,045	-	-	2,989	4,890	7,879	58,137	66,016	152,061
20,187	35,235	1,432	4,215	6,430	18,211	711,189	285,500	-	9,683	22,164	317,347	594,118	911,465	1,622,654
2,225	2,423	718	395	1,360	9,268	75,588	11,523	409	-	22	11,954	249	12,203	87,791
147	5,800	1,896	5,607	1,411	3,882	46,746	-	-	127,967	6,677	134,644	3,919	138,563	185,310
5,207	7,497	486	990	1,677	6,528	209,709	67,209	72	15,810	-	83,092	112,040	195,132	404,841
5,144	2,489	411	103	1,231	4,038	17,326	67,985	-	-	-	67,985	-	67,985	85,311
1,800	56,374	3,444	606	3,060	6,693	112,628	100,143	10	21,309	-	121,462	40,819	162,280	274,908
713	3,556	12,081	1,936	4,295	1,507	79,735	51,243	-	-	-	51,243	4,925	56,169	135,904
613	602	387	424	571	1,316	10,447	75,914	-	-	-	75,914	-	75,914	86,361
1,576	12,183	21,917	1,557	9,646	7,213	93,908	25,422	3,624	1,425	-	30,471	31,487	61,959	155,866
-	-	-	-	-	11,270	11,270	32,928	190,782	1,028	-	224,738	318	225,056	236,325
40,560	126,156	42,771	15,834	29,681	69,926	1,559,995	773,949	194,897	184,693	38,636	1,192,176	855,159	2,047,335	3,607,329
-	-	-	-	-	-	-	15,180	-	-	-	15,180	-	15,180	15,180
-	-	-	-	-	-	-	(323)	-	-	-	(323)	323	-	-
40,560	126,156	42,771	15,834	29,681	69,926	1,559,995	788,806	194,897	184,693	38,636	1,207,033	855,482	2,062,515	3,622,509
8,970	24,234	9,905	1,521	5,450	14,023	525,200	95,754	2,038	109,391	5,338	212,521	229,021	441,543	966,742
815	2,944	1,367	159	709	714	22,248	16,261	6	4,353	-	20,620	9,392	30,012	52,259
478	945	15	201	102	9	10,469	3,249	-	-	-	3,249	-	3,249	13,718
36,538	137,935	106,327	52,709	46,567	158,344	1,510,357	-	-	-	-	-	-	-	-
20,477	39,462	33,817	4,554	25,789	131,759	544,165	-	-	-	-	-	-	-	-
(84)	(232)	(112)	(42)	(152)	(114)	(2,821)	-	-	-	-	-	-	-	-
16,145	98,704	72,623	48,196	20,931	26,698	969,014	-	-	-	-	-	-	-	-
3,787	38,811	5,909	33,964	5,147	25,015	237,197	-	-	-	-	-	-	-	-
12,358	59,893	66,714	14,233	15,784	1,683	731,817	-	-	-	-	-	-	-	-
86,405	290,324	160,355	70,022	82,305	242,998	3,607,329	897,573	196,941	298,437	43,974	1,436,925	1,093,895	2,530,820	4,627,792

Jadual 6: Ringkasan Jadual Penggunaan Domestik pada Harga Asas, Komoditi mengikut Aktiviti (RM Juta), 2010

Aktiviti Komoditi		Getah	Kelapa Sawit	Pertanian Lain	Ternakan	Perhutanan dan Pembalakan	Perikanan	Perlombongan dan Pengkuarian	Pembuatan	Utiliti	Pembinaan	Perdagangan Borong & Runcit
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11
1	Getah	0	-	-	0	-	-	-	1,779	-	-	-
2	Kelapa Sawit	-	66	-	6	-	68	-	56,394	-	-	1,896
3	Pertanian Lain	0	54	136	4	4	0	-	3,303	-	-	208
4	Ternakan	0	36	9	21	-	4	-	666	-	-	190
5	Perhutanan dan Pembalakan	1	25	2	-	6,888	0	-	10,915	-	-	93
6	Perikanan	-	-	2	-	-	874	-	1,044	-	-	471
7	Perlombongan dan Pengkuarian	-	-	2	-	39	-	950	60,450	587	2,224	-
8	Pembuatan	390	3,728	649	3,803	2,643	3,295	5,375	184,256	3,696	28,717	31,272
9	Utiliti	13	292	84	192	52	335	109	13,420	6,634	365	825
10	Pembinaan	4	120	22	20	588	71	822	3,767	14	6,530	-
11	Perdagangan Borong & Runcit	146	855	213	780	1,482	846	1,407	57,418	923	5,524	7,268
12	Penginapan dan Makanan & Minuman	12	144	29	7	-	37	6	382	-	90	1,794
13	Pengangkutan & Penyimpanan dan Maklumat & Komunikasi	164	814	121	165	594	136	1,369	17,443	561	936	4,915
14	Kewangan & Insurans	1,938	3,687	15	16	-	49	1,020	12,527	207	353	4,460
15	Hartanah & Pemilikan Tempat Kediaman	12	73	21	14	-	43	-	2,800	-	1,518	3,317
16	Perkhidmatan Perniagaan & Persendirian	20	494	93	37	480	164	1,088	11,179	3,466	1,187	5,548
17	Perkhidmatan Kerajaan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
18	JUMLAH INPUT PERANTARAAN	2,700	10,388	1,398	5,065	12,771	5,923	12,144	437,742	16,088	47,442	62,260
19	Pembelian Langsung oleh Residen di Luar Negeri	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
20	Pembelian Dalam Negeri oleh Bukan Residen	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
21	JUMLAH INPUT	2,700	10,388	1,398	5,065	12,771	5,923	12,144	437,742	16,088	47,442	62,260
22	Komoditi Import	391	4,986	938	1,441	1,873	1,818	6,379	280,454	9,699	15,924	24,149
23	Cukai ke atas Produk	26	98	12	18	697	145	242	5,024	243	377	2,689
24	Subsidi ke atas Produk	29	288	65	9	295	390	427	2,968	427	377	1,535
25	Nilai Ditambah Kasar	6,380	45,493	7,924	4,984	7,249	5,009	89,211	184,881	21,716	27,996	112,409
26	Pampasan Pekerja	1,226	8,196	1,599	1,207	1,003	907	4,941	52,556	2,032	19,759	30,487
27	Cukai Bersih Lain ke atas Pengeluaran	9	289	(429)	9	26	(75)	2,582	224	5	216	2,965
28	Lebihan Kendalian, Kasar	5,144	37,009	6,754	3,767	6,219	4,177	81,688	132,101	19,680	8,021	78,957
29	Penggunaan Modal Tetap	387	2,784	508	283	468	314	8,036	29,130	9,390	2,026	5,276
30	Lebihan Kendalian, Bersih	4,757	34,225	6,246	3,484	5,752	3,862	73,652	102,972	10,290	5,995	73,681
31	JUMLAH OUTPUT	9,468	60,677	10,207	11,499	22,294	12,505	107,549	905,133	47,319	91,362	199,972

Jadual 6: Ringkasan Jadual Penggunaan Domestik pada Harga Asas, Komoditi mengikut Aktiviti (RM Juta), 2010

Penginapan dan Makanan & Minuman	Pengangkutan & Penyimpanan dan Maklumat & Komunikasi	Kewangan & Insurans	Hartanah & Pemilikan Tempat Kediaman	Perkhidmatan Perniagaan & Persendirian	Perkhidmatan Kerajaan	Jumlah Penggunaan Perantara	Penggunaan Swasta	Penggunaan Kerajaan	Pembentukan Modal Tetap Kasar	Perubahan Inventori	Jumlah Penggunaan Domestik	Eksport	Jumlah Penggunaan Akhir	Jumlah Penggunaan
12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26
-	-	-	-	-	-	1,779	-	-	41	6	48	7,599	7,647	9,426
-	-	-	-	-	-	58,431	-	-	1,104	457	1,561	-	1,561	59,992
404	-	-	-	-	24	4,138	4,522	-	81	(101)	4,503	1,346	5,849	9,986
218	-	-	-	-	-	1,144	7,890	-	2,194	(11)	10,074	652	10,725	11,869
-	-	-	-	-	-	17,923	169	-	-	86	255	2,331	2,585	20,508
1,983	-	-	-	-	-	4,374	7,064	-	6	(8)	7,061	646	7,708	12,082
-	-	-	-	-	0	64,252	136	-	-	(400)	(264)	43,195	42,932	107,183
9,717	17,777	2,960	326	3,430	9,614	311,648	84,300	-	20,401	7,675	112,376	477,084	589,460	901,108
2,608	1,206	2,982	194	909	3,080	33,298	10,798	-	228	0	11,025	128	11,154	44,452
268	1,597	459	989	415	4,342	20,029	6,835	-	58,661	-	65,496	5,321	70,817	90,846
2,005	3,775	695	66	697	698	84,797	52,980	-	8,142	2,162	63,285	54,410	117,695	202,491
3,036	930	3,712	18	184	1,449	11,830	35,406	-	-	0	35,406	-	35,406	47,236
1,764	40,923	7,375	606	4,061	5,378	87,328	43,791	-	878	150	44,818	29,479	74,297	161,624
330	8,814	42,325	2,362	891	167	79,159	36,312	-	-	0	36,312	6,228	42,541	121,700
216	2,839	2,400	7,210	844	8,380	29,685	19,103	-	-	-	19,103	-	19,103	48,789
1,021	5,276	2,877	1,142	10,877	4,746	49,696	20,316	1,200	7,860	(157)	29,219	15,833	45,053	94,749
-	-	1,211	-	-	1,507	2,718	26,949	100,179	-	-	127,129	281	127,410	130,128
23,571	83,139	66,995	12,912	22,306	39,385	862,229	356,571	101,380	99,597	9,861	567,408	644,534	1,211,941	2,074,171
-	-	-	-	-	-	-	26,733	-	-	-	26,733	-	26,733	26,733
-	-	-	-	-	-	-	(58,350)	-	-	-	(58,350)	58,350	-	-
23,571	83,139	66,995	12,912	22,306	39,385	862,229	324,954	101,380	99,597	9,861	535,791	702,884	1,238,675	2,100,904
4,515	24,071	4,093	855	5,618	15,853	403,056	56,083	5,161	78,064	3,973	143,280	35,658	178,939	581,995
